

## BAB EMPAT

### TRANSLITERSI TEKS KITAB İDĀH AL-ALBĀB LI MURĪD AL-NIKĀH BI AL-ŞAWĀB

#### Mukadimah pengarang – Khutbah al-Kitāb

[ Halaman 2 ]

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

(Ku mulai) kitab ini dengan nama Allāh yang amat [pe]<sup>164</sup> murah amat mengasihani akan hambaNya yang mu'min di dalam negeri akhirat .

(الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ طِينٍ \* وَجَعَلَ نَسْلَهُ مِنْ مَاءٍ مَهِينٍ )

*Segala puji itu bagi Allāh Tuhan yang menjadikan segala manusia daripada tanah dan menjadikan zuriatnya daripada air yang daif .*

(وَجَعَلَ النِّكَاحَ ۝ مِنْ أَسْبَابِ عِمَارَةِ الدُّنْيَا وَالدِّينِ \* وَوَصَّلَةٌ بَيْنَ الْأَشْتَاتِ الْمُتَبَاعِدَاتِ  
هُدًى وَرَحْمَةً لِلْمُؤْمِنِينَ)

*dan menjadikan nikah itu daripada beberapa sebab mereka itu meramaikan dunia dan agama dan perhubungan antara yang bercerai dan berjauh-jauhan hal keadaannya pertunjuk dan rahmat bagi segala orang yang mukminin.*

(أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ذُو الْقُوَّةِ الْمُتَّيَّنَ )

*naik saksi aku bahawa tiada tuhan melainkan Allāh Esanya tiada sekutu bagiNya yang mempunyai kuasa yang teguh .*

<sup>164</sup> Tanda kurungan “[ ]” merupakan tambahan daripada penyunting bagi menerangkan perkataan-perkataan yang lebih sesuai.

<sup>165</sup> Asal pada perundangan nikah dari al-Qur’ān dan al-Sunnah, firman Allāh S.W.T :

(وَأَنْكِحُوا الْأَيَامِي مِنكُمْ وَالصَّالِحِينَ مِنْ عِبَادِكُمْ وَإِمَانِكُمْ) — الور: ۳۲ .

dan sabda Rasūllāh S.A.W :

(تَنَاهُوا تَنَاهُوا ؛ فَإِنِّي أَبْهَيُ بَكُمُ الْأَمْمَ) رواه ابن عدي عن سعيد بن أبي هلال الثني مولاهم أبي العلاء المصري . ورواه البيهقي في "المعرفة" وزانفي آخره عن الشافعي بلاغا "حتى السقط" وسند المرسل والمسند مضعف . (فضن القدير ۲۶۹/۳)

Nikah menurut bahasa Arab dapat diertikan dengan bergabung dan berkumpul. Menurut pemakaian syarak, nikah bererti akad yang mengharuskan seseorang lelaki bergaul bebas dengan perempuan tertentu pada waktu akad menggunakan lafadz nikah atau *tazwīj* atau terjemahannya. Lihat Hj. Mohd Shukeri B. Muhammad: *Perkahwinan Beberapa Persoalan Berbangkit Mengenainya*. (Kertas kerja Kursus Pengurusan Dan Pentadbiran Pegawai Masjid Negeri Kelantan 1 / 2002), MAIK, h. 2.

(وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ سَيِّدُ الْمُرْسَلِينَ الْمَعْوُثُ رَحْمَةً لِلْعَالَمِينَ )

*Dan naik saksi aku bahawasa Nabi Muhammad itu hambaNya dan pesuruhNya penghulu segala nabi pesuruhnya yang dibangkit memberi rahmat bagi sekalian alam*

(صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَعَلَى آلِهِ وَصَاحْبِهِ أَجْمَعِينَ \* وَتَابِعِيهِمْ يَا حَسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ )

*Memberi rahmat Allāh Ta ’alā [ ke ] jatasnya dan sejahtera dan [ ke ] jatas segala keluarganya dan yang mengikut mereka itu dengan kebijakan hingga hari kiamat .*

(أَمَّا بَعْدُ فَهَذَا تَعْلِيقٌ لَطِيفٌ مُشْتَمَلٌ عَلَى أَحْكَامِ النِّكَاحِ وَمَا يَحْتَاجُ إِلَيْهِ وَالْطَّلاقُ وَمَا يَتَعَلَّقُ بِهِ وَغَيْرِهِمَا مِمَّا يَنْبَغِي لِمُرِيدِ النِّكَاحِ مَعْرِفَتَهُ )

*Adapun kemudian dari itu, maka inilah suatu kandungan<sup>166</sup> yang kecil lagi terkandung atas beberapa hukum berkahwin dan barang yang berkehendak kepadanya dan talak dan barang yang bergantung dengan dia dan lain daripada keduanya daripada barang yang sayugia<sup>167</sup>nya bagi yang berkehendak kepada berkahwin mengetahui akan dia*

(جَمَعْتُهُ مِنَ الْكُتُبِ الْمُعْتَبَرَةِ فِي الْمَذَهَبِ كَالْمِنَاجِ وَفَتْحِ الْوَهَابِ وَالْتُّحْفَةِ وَالنَّهَايَةِ وَالْعِدَّةِ وَالسَّلَاحِ )

*Ku himpulkan daripada beberapa kitab yang muktabar<sup>168</sup> pada mazhab kita Syāfi’ī seperti Minhāj al-Ṭālibīn bagi al-‘Arif bilLah Mahyu al-Dīn al-Nawawī<sup>169</sup> dan Fatḥ al-Wahhāb bagi Syeikh al-Islām Zakariyā’al-Anṣārī<sup>170</sup> dan Tuhfah al-Muhtāj bagi ‘allāmah Syihāb al-Dīn Ahmad Ibnu Hajar<sup>171</sup> dan Nihāyah<sup>172</sup> bagi al-Muhaqqiq Syihab al-Dīn Muhammad Ramli<sup>173</sup>*

<sup>166</sup> Terjemahan bagi perkataan : (تعليق) maknanya yang tepat ialah “huraian”. Dari kata kerja “ ‘allaqa , yu’alliqu , ta’liq ” . Lihat Al- Bustānī, Fuad al-Ifran (1977M) ; Munjid al-Tullāb , c. 11,Beirut , Lebanon; Dār al- Masyriq, h. 526.

<sup>167</sup> (Sebaik-baiknya)

<sup>168</sup> Yang diambil kira, yang diambil pengajaran. Lihat Muhamad Idrīs al-Marbawī (1990), Qāmus al-Marbawī, Kuala Lumpur : Darul Fikr, j.2, h.3

<sup>169</sup> Beliau ialah Abū Zakariyyā, Mahy al-Dīn, Yahya b. Syaraf b. Murri b. Hasan al-Hizami al-Hawrani al-Nawawi. Dilahirkan pada tahun 631H di sebuah perkampungan bernama Nawa (dalam Negara Syria sekarang) dan meninggal dunia pada tahun 676H.

<sup>170</sup> Beliau ialah Shihāb al-Dīn Syeikh al-Islam al-Imam Abu Yahya, Zakariyya b. Muhammad b. Ahmad b. Zakariyya al-Ansari al-Sunayki al-Miṣri. Dilahirkan pada tahun 823H disebuah perkampungan bernama Sunaykah (Timur Mesir) dan meninggal dunia pada tahun 926H di Kaherah. Beliau merupakan seorang ahli fiqh Mazhab Syāfi’ī yang menonjol dan terkenama di Mesir pada zamannya. Kebanyakan anak-anak murid beliau muncul menjadi ulama-ulama besar selepas kematiannya. Antara anak-anak murid beliau yang terkenal ialah al-Ramli (m. 957H), Ibn Hajar al-Haytami (m.974H), al-Khatib al-Syarbini (m. 977) dan al-Syams al-Ramli (m. 1004H)., Muhiṭāj, al-S.A.Waīq al- Lihat al-Zirikli (2002).op.cit.j.1, h. 234 dan Dusuki Bin Ahmad (1976), Kamus Pengetahuan Islam, Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia., h. 94

<sup>171</sup> Beliau ialah Abū al-‘Abbās Ahmad Ibnu Muhammad al-Haitami. Lahir pada tahun 909H di daerah Gharbiyyah, Mesir. Mendalami pelbagai ilmu seperti fiqh, usul al-fih, Tafsir, Hadis ,TaS.A.Wwuf, Mantiq dan bahasa. Kemudian berhijrah ke Mekah dan terus menetap di sana sehingga meninggal dunia pada tahun 974H. Menghasilkan banyak karya dalam pelbagai bidang antaranya Tuhfah al-Muhtāj, Syarh al-‘Ubāb dan al-Ta’aruf al-Aslāin. Lihat Ahmad Ibnu Muhammad al-Haitami (1994), Kitāb al-Idāh fi Manāsik al-Haj wa al-‘Umrah, c. 2 Beirut: Dār al-Basyair al-Islāmiah, h. 11-14.

<sup>172</sup> Judul lengkap kitab ini ialah Nihāyah al- Muhtāj Ilā Syarh al-Minhāj

<sup>173</sup> Beliau ialah Muhammad Ibnu Ahmad Ibnu Hamzah al-Ramli. Lahir pada tahun 1513M/919H di sebuah kampung bernama Ramalah di daerah al-Munufiyah, Mesir. Seorang faqih besar dalam mazhab Syāfi’ī. Digelar sebagai al- Syāfi’ī al-Syaghīr.

*'Iddah wa al-Silāh bagi 'allāmah Muhammād ibn Ahmad .*

(وَسَمِّيَه اِيضاً بَابٍ<sup>١٧٤</sup> لِمُرِيدِ النِّكَاحِ بِالصَّوَابِ )

*Dan aku namai akan dia "Idāh al-Bāb li Murīd al-Nikāh bi al-Sawāb" yakni pada menyatakan<sup>175</sup> bagi yang [orang] berakal yang berkehendak berkahwin dengan sebenarnya .*

(وَأَرْجُو اللَّهُ أَنْ يَنْتَفَعَ بِهِ الْمُسْلِمِينَ كَمَا نَفَعَ بِأُصُولِهِ أَنَّهُ عَلَى ذَلِكَ قَدِيرٌ وَبِالإِجَابَةِ حَدِيرٌ )

*Dan aku harap akan Allāh bahawa memberi manfaat dengan dia bagi segala Muslimin seperti memberi manfaat dengan beberapa asalnya bahwasanya Allāh Ta'ālā atas demikian itu amat kuasa dan memperkenankan bagi pinta<sup>176</sup> hambaNya amat sebenar-benarnya.*

### [Halaman 3 ]

**(Bāb Fī Fadā'il al-Nikāh Wa Fī Man Yustaḥabb Lahu Wa Ma Yustaḥabb Fī al-Mankūḥah Wa Fī Mustaḥabbāt al-Nikāh)**

Ini suatu bab pada menyatakan<sup>177</sup> beberapa kelebihan berkahwin dan mereka yang sunat baginya berkahwin dan barang yang sunat pada perempuan yang dikahwinkan dan pada menyatakan beberapa sunat berkahwin .

(Bermula) kelebihan berkahwin itu amat banyak, setengah daripadanya firman Allāh Ta'ālā :

فَانِكِحُوْا مَا طَابَ لَكُمْ مِّنَ النِّسَاءِ مَشْتَى وَثُلَثَ وَرُبْعَ ..<sup>١٧٨</sup>

*Maka berkahwin olehmu barang yang baik bagimu perempuan dua dan tiga dan empat*

Meninggal dunia pada tahun 1596M/1004H di Kaherah. Antara karangan beliau ialah *Nihāyah al-Muhtāj*, *Fatāwa Syams al-Dīn al-Ramli*, *Ghāyah al-Bayān*, *Ghāyah al-Mura*, *Syarḥ al-Bahjah*, *Syarḥ al-Zubad* dan *Risālah fi Fahl al-Siwak*. Lihat Dusuki Bin Ahmad (1976), *op.cit.*, h. 281 .

<sup>174</sup> Perkataan yang sebenar dalam manuskrip ialah *al-albāb* bukannya al-bab sebagaimana dalam cetakan kitab ini. Lihat manuskrip *kitāb Idāh al-albāb*, Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara, no. panggilan MSS 123, MSS 157, MSS 185, MSS 227, MSS 241, MSS 265, MSS 568, MSS 600, MSS 625(4)

<sup>175</sup> (menerangkan)

<sup>176</sup> (permintaan)

<sup>177</sup> (menerangkan)

<sup>178</sup> Sūrah al-Nisā, (4): 3

dan lagi firmanNya :

وَالَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا هُبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةً  
أَعْيُنٌ وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَقِبِّلَ إِمَامًا.....<sup>١٧٩</sup>

“Dan mereka itu yang berkata [Wajhai Tuhan Kami  
beri olehMu bagi kami daripada beberapa isteri kami  
dan segala zuriat kami yang menetapkan mata”.

Hadīth yang menyatakan kelebihan berkahwin. (Dan adapun) ḥadīth yang menunjukkan  
kelebihan berkahwin itu amat banyak, setengah daripadanya, sabda Nabi (S. A.W)

يَا مُعْشَرَ الشَّبَابِ مَنْ اسْتَطَاعَ مِنْكُمُ الْبَاءَةَ فَلْيَتَرْوَجْ فَإِنَّهُ أَغْضَنَ لِلْبَصَرِ وَأَحْصَنَ  
<sup>١٨٠</sup> لِلْفَرَجِ

“ [Wajhai segala orang muda-muda barang siapa kuasa daripada  
kamu belanja maka berkahwin ia maka bahwasanya terlebih  
memejamkan bagi matanya dan terlebih memeliharakan bagi  
farajnya”

dan lagi sabda Nabi (S.A.W)

إِذَا مَاتَ أَبْنُ آدَمَ انْقَطَعَ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثٍ صَدَقَةٌ حَارِيَةٌ أَوْ عِلْمٌ يَنْتَفَعُ بِهِ أَوْ وَلَدٌ  
<sup>١٨١</sup> صَالِحٌ يَدْعُوْ لَهُ

Apabila mati anak Adam putuslah amal nya melainkan tiga: sedekah  
yang berkekalan atau ilmu yang member manfaat dengan dia atau anak  
yang soleh mendoa[kan] baginya

dan lagi sabda Nabi (S.A.W) :

إِذَا تَرَوْجَ أَحَدُكُمْ عَجَ شَيْطَانُهُ يَا وَيْلَاهُ عَصْمَ ابْنُ آدَمَ مِنِّي ثَلَثٌ دِينِهِ<sup>١٨٢</sup>

“Apabila berkahwin seorang kamu berteriak[lah] syaitannya dengan  
katanya:[Wa] hai kebinasaanku telah terpeliharalah anak Adam  
daripadaku dua bahagi agamanya”

<sup>179</sup> Sūrah al-Furqān, (25): 74

<sup>180</sup> ḥadīth diriwayatkan oleh Muslim: Kitāb al-Nikāh, no.ḥadīth: 3386 daripada ‘Abdullah bin Mas’ūd. Lihat Muṣṭafa Dib al-Bughā(1986), *al-Tahzīb fī adillah Matan al-Ghāyah wa al-Taqrīb*, Beirut: Dār Ibn Kahtīr, h.159

<sup>181</sup> ḥadīth diriwayatkan oleh Muslim no.ḥadīth: 1631, Abu Dawud no.ḥadīth: 2880 dan al-Turmidī no.ḥadīth: 1376.

<sup>182</sup> ḥadīth diriwayatkan oleh Jabir bin ‘Abdullah. Lihat Ibn Hajar al-Asqallāni, *al-Kafi al-Syafi* no. ḥadīth 201

dan lagi sabda Nabi (S.A.W) :

مَنْ تَرَوْجَ فَقَدْ أَحْرَزَ شَطَرَ دِينِهِ فَلَيَقِنِ اللَّهُ فِي الشَّطَرِ الْبَاقِي<sup>١٨٣</sup>

“Barangsiapa berkahwin maka sungguhnya terpelihara[lah] setengah agamanya maka takut olehmu akan Allāh Ta’ālā pada setengah yang tinggal dan lagi”.

Sabda Nabi ( S.A.W ) :<sup>184</sup>

(تَأَكُّحُوا تَكَاثُرُوا فَإِيَّيْ أُبَاهِي بِكُمُ الْأَمْمِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَفِي رِوَايَةِ وَلَوْ بِالسَّقْطِ<sup>١٨٥</sup>)

“Berkahwinlah olehmu nescaya membanyak kamu maka bahwasanya aku memegahkan dengan kamu akan segala umat pada hari kiamat dan pada satu riwayat dan jikalau dengan anak yang gugur sekalipun”,

dan lagi sabda Nabi: ( S.A.W)

(رَكْعَتَانِ مِنْ الْمُتَزَوِّجِ أَفْضَلُ مِنْ سَبْعِينَ رَكْعَةً مِنَ الْعَزْبِ وَفِي رِوَايَةِ مِنَ الْمُتَأَهِّلِ خَيْرٌ<sup>١٨٦</sup>  
مِنْ اثْنَيْ وَثَمَانِينَ رَكْعَةً مِنَ الْعَزْبِ<sup>١٨٧</sup>)

“Dua rakaat daripada [orang] yang berkahwin afdal<sup>187</sup> daripada tujuh puluh rakaat daripada yang bujang dan pada satu riwayat daripada yang mempunyai ahli terlebih baik daripada dulapan<sup>188</sup> puluh dua rakaat daripada bujang”,

dan lagi sabda Nabi (S.A.W) bagi ‘Akkāf ( عَكَاف ):

(أَلَكَ زَوْجَةٌ يَا عَكَافَ بْنَ وَدَاعَةٍ فَقَالَ لَا، قَالَ: وَلَا جَارِيَةٌ فَقَالَ لَا، وَأَنْتَ صَحِيحٌ  
مُؤْسِرٌ قَالَ: نَعَمْ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ فَقَالَ: فَأَئْتَ إِذْنَ مِنْ إِخْرَانِ الشَّيَاطِينِ إِنْ كُنْتَ مِنْ  
رُهْبَانِ النَّصَارَى فَالْحِقُّ بِهِمْ وَإِنْ كُنْتَ مِنَّا فَاصْنُعْ كَمَا نَصْنَعُ فَإِنْ مِنْ سُتُّنَّا النَّكَاحُ  
شِرَارُكُمْ عَزَابُكُمْ أَرْذَلُ مَوْتَاكُمْ عَزَابُكُمْ<sup>١٨٩</sup>)

“Adakah bagimu isteri ya ‘Akkaf maka sembahnya: Tiada, maka sabdanya: dan tiada gundik?, maka sembahnya: tiada, maka sabdanya: dan engkau sebenarnya kaya, maka sembahnya: bahkan wal hamduliLah, maka sabdanya: maka engkau tiba-tiba daripada saudara syayātīn<sup>190</sup> jika ada engkau daripada ulama Nasara, maka

<sup>183</sup> Hadīth diriwayatkan oleh Anas bin Malik. Lihat al-Iraqi, *Takhrīj al-Iḥyā’* no. ḥadīth 2/ 30

<sup>184</sup> Hadīth ini tiada isnadnya. Lihat al-Subki, *Tabaqāt al-Shāfi’i al-Kubrā*, no. ḥadīth 6/309

<sup>185</sup> السَّقْط: Tiap-tiap yang gugur. Bermaksud janin yang gugur dari perut ibunya sebelum cukup umurnya sama ada lelaki atau perempuan. Lihat Ibrāhīm Anīs et, al (t.t), *al-Mu’jam al-Waṣīt*, j.1, t.t.p.h. 438

<sup>186</sup> Hadīth diriwayatkan oleh Anas. Lihat Ibn al-Jawzi, *Mauḍū’at Ibn al-Jawzī* no. ḥadīth 3/42

<sup>187</sup> أَفْضَل : Ism tafdid dari kata dasarnya فضل, yang lebih baik. Lihat *Qānum al-Marbawī*, (1990), *op.cit*, h.14

<sup>188</sup> (lapan)

<sup>189</sup> Hadīth diriwayatkan oleh Imām Ahmad dan Ibn Abi Syaibah dan Ibn Abd al-Bar

<sup>190</sup> شَيَاطِين: jamak syaitan ialah makhluk halus yang dijadikan daripada api. Ia menjadi pembantu kepada iblis, kerjanya ialah meruntun kepada kejahanan dan kebinasaan, antaranya mengajak manusia supaya berpaling daripada ajaran agama Islam dan menyegutukan Allāh Ta’ālā, menghararkan yang halal dan menghalalkan yang haram. Lihat al-Sayid al-Sābiq, *al-Aqā’id al-Islāmiyyah*, Mesir, Dār , h.139

*hubung olehmu dengan mereka itu dan jika ada engkau daripada kami, maka perbuat olehmu seperti barang yang kami perbuat, maka bahawasanya daripada sunnah kami itu berkahwin, sejahat-jahat kamu itu bujang kamu, sekurang-kurang mati kamu itu bujang kamu”*

### Pandangan Ulama Terhadap Kelebihan Berkahwin

Adapun perkataan<sup>191</sup> ulama itu menunjukkan kelebihan berkahwin itu amat banyak, setengah daripadanya kata Syaidina ‘AbdulLāh ibn ‘Abbās ( r. a )<sup>192</sup> :

(لَا يَتَمُسُّكُ النَّاسُكَ حَتَّىٰ يَتَرَوَّجَ)

*Tiada sempurna ibadat yang mengerjakan ibadat itu hingga berkahwin .*

Kata Ibrāhīm ibn Maisarah (r. m) :

(مَا يَمْنَعُكَ النِّكَاحُ إِلَّا عَجَزٌ أَوْ فُجُورٌ)

*Tiada menegahkan kamu berkahwin melainkan lemah atau fajir .*

Kata ibn Mas’ūd (r. a)<sup>193</sup> :

(لَوْلَمْ يَقِنَ مِنْ عُمْرِي إِلَّا عَشَرَ أَيَّامٍ أَحَبَبْتُ أَنْ أَتَرَوَّجَ حَتَّىٰ لَا أَلْقَى اللَّهَ عَزْبًا)

*Jikalau tiada tinggal daripada umurku melainkan sepuluh hari aku kasih bahawaku berkahwin hingga tiada aku berjumpa akan Allāh Ta’ālā pada hal aku bujang .*

( Adapun ) mereka yang sunat berkahwin itu, maka berkahwin itu sunat *muakkad*<sup>194</sup> bagi mereka yang berkehendak kepadanya jika ada belanjanya iaitu isi kahwin dan pakaian yang lengkap dan makanan pada hari itu, ( maka jika ) ketiadaan belanja,

<sup>191</sup> (pendapat)

<sup>192</sup> Beliau ialah ‘Abdullah bin ‘Abbās bin ‘Abd al-Muṭalib bin Hāsyim bin ‘Abd Manāf, Abū al-‘Abbas, sepupu Rasūlullāh (S.A.W). Seorang sahabat yang terkenal dengan gelaran “Khairul-Ummah al-Šāhābī al-Jalil”. Dilahirkan di Mekah 3 tahun sebelum Hijrah /619M di Syu’ab. Rasulullah (S.A.W) telah mendoakan kepadanya dengan doa (اللهُ فَقِيهُ فِي الدِّينِ وَعَلِمَهُ التَّأْوِيلَ) . Meriwayatkan 1660 hadis. Meninggal dunia di Tāif pada tahun 68H/687M ketika berumur 72 tahun dan dikebumikan di sana. Lihat Abī al-Hasan ‘Ali bin Muhammad al-Jazāri Ibn Athīr (1970), *Usd al-Għabbah Fī Ma’rifah al-Šāhābah*, j. 4. Kaherah: al-Sya’b, h. 91-125

<sup>193</sup> Beliau ialah ‘Abdullah ibn Mas’ūd ibn Ghāfil ibn Habīb al-Huzali. Merupakan golongan yang pertama memeluk Islam. Berhijrah ke Habsyah kemudian ke Madinah. Menyertai Rasulullah dalam perang Badar, Bai’ah al-Ridwan dan lain-lain serta perperangan al-Yarmuk selepas Rasulullah. Dan Rasulullah sangat menyayangi dan mengasihinya. Merupakan khadam Rasulullah (S.A.W) dan sentiasa menemani Rasulullah dalam musafirnya. Meninggal di Madinah pada tahun 30H. *Ibid*, h. 198

#### [ Halaman 4 ]

maka sunat [ia] meninggalkan dia , dan sunat dipecahkan keinginannya dengan [ber]puasa.

( Dan jika ) tiada berkehendak pada berkahwin, [maka] makruh baginya jika tiada baginya belanja, ( maka jika ) ada belanja, tetapi tiada be[r]kehendak kepada berkahwin, maka tiada makruh berkahwin ( tetapi ) bersunyi diri bagi ibadat itu terlebih afdal daripada berkahwin jika[lau] ia daripada orang yang ‘ābid<sup>195</sup>, (maka jika) tiada ‘ābid , maka berkahwin itu *afdal*<sup>196</sup>baginya .

( Dan ) jika ada belanja dan dengan dia [ada] penyakit seperti *tuhā*<sup>197</sup> atau penyakit yang tiada diharap akan sembahnya atau lemah zakarnya atau lainnya, [maka] makruh bagi mereka itu berkahwin jika ada kehendak yang lain dan jika ada kehendak yang lain seperti khidmat atau menjinakkan dia atau lainnya, maka tiada makruh berkahwin .

( Dan sunat ) ia berniat kahwin itu mendirikan sunnah Nabi [S.A.W] yakni mengikut dia dan supaya memejamkan dua matanya dan menuntut anak supaya membanyakkan Islam dan umat Nabi (S.A.W) dan lainnya dan jangan ia meniatkan semata-mata bermain-main dan bersedap-sedap jua atau menghasilkan [h]arta<sup>198</sup> dan [ber]megah dan lainnya tiada diberi pahala dengan segala perkara itu .

---

<sup>194</sup> سَنَةٌ مُؤْكَدٌ : iaitu sunat yang dituntut melakukannya. Dinamakan *muakkad* kerana ini jarang sekali ditinggalkan oleh Rasulullah S.A.W. Lihat Al-Syeikh Muhammad bin Abdullah al-Banjari (2010) : *Sabil al-Muhtadīn li al-Tafaqqūh Fī Amr al-Dīn*, Kuala Lumpur, Telaga Biru Sdn Bhd, h.252

<sup>195</sup> عَبْدٌ : jamak nya عَبْدٌ iaitu yang menyembah, yang berkhidmat. Bermaksud seseorang yang mengekalkan amalan fardū dan sunat semata-mata mengharapkan balasan pahala dan ganjaran dari Allāh Ta’ala di akhirat. Lihat *Qāmus al-Marbawī* (1990), *op.cit.*, j.2, h .2 dan al-Tahānawī (t.t) *Khassāf Istilahāt al-Funūn*, Calcutta: Maktabah Khiyām, j.2, h.949

<sup>196</sup> Yakni lebih baik

<sup>197</sup> Yakni tua

<sup>198</sup> harta

( Adapun ) barang<sup>199</sup> yang sunat pada perempuan yang dikahwinkan itu maka sunat bahawa ada ia perempuan yang solehah yang mempunyai agama ( kerana ) sabda Nabi (S.A.W):

تُنْكَحُ الْمَرْأَةُ لِأَرْبَعٍ لِمَا لَهَا وَلِجَمَالِهَا وَلِحَسَبِهَا وَلِدِينِهَا فَاظْفَرْ بِذَاتِ الدِّينِ تَرِبَتْ  
٢٠٠ يَدَاكَ (

*Dikahwinkan perempuan itu empat perkara bagi [h]artanya dan bagi eloknya dan bagi bangsanya dan bagi agamanya maka ambil olehmu dengan yang empunya agamanya jika tiada nescaya papa dua tanganmu*

( Dan lagi ) sunat [perempuan] yang sempurna akalnya dan lagi bahawa ada ia *bikr*<sup>201</sup> kerana sabda Nabi (s. a .w):

عَيْنِكُمْ بِالْأَبْكَارِ فَإِنْهُنَّ أَعْذَبُ أَفْوَاهًا وَأَنْثُقُ أَرْحَامًا وَأَسْخَنُ أَقْبَالًا وَأَرْضَى بِالْيَسِيرِ مِنَ  
الْعَمَلِ وَأَغْرُ غَرَّةً ( ٢٠٢ )

*Lazimkan olehmu dengan *bikr*, maka bahawasanya terlebih manis mulutnya ertinya perkataannya dan terlebih suci rahimnya dan terlebih baik *qubul*<sup>203</sup> nya dan terlebih reda dengan sedikit daripada amal yakni *jima*<sup>204</sup> dan terlebih dengu<sup>205</sup> akan tipu daya),*

melainkan kerana hajat kepada janda seperti daif alat<sup>206</sup>nya atau kerana berkehendak ia memeliharkan anaknya atau lainnya tiada mengapa demikian itu .

( Dan demikian lagi ) sunat bagi wali<sup>207</sup> perempuan itu bahawa jangan ia kahwin[kan] anaknya melainkan laki-laki yang *bikr* pula kerana nafsu itu dijadikan atas jinak dengan permulaan yang dikerjakannya.

( Dan lagi ) pula perempuan yang baligh<sup>208</sup> melainkan kerana *maṣlahah* <sup>209</sup>.

<sup>199</sup> (perkara)

<sup>200</sup> Ḥadīth diriwayatkan oleh al-Bukhārī no. ḥadīth 5090, Muslim no. ḥadīth 1466, Sunan Abī Dawud no. ḥadīth 2047, Sunan al-Nasā'ī no. ḥadīth 68/6. Sunan al-Dārāmī no. ḥadīth 134/2 . al-Sunan al-Kubrā no. ḥadīth 79/7. Fath al-Bārī no. hatih 32/9 . Musykāt al-Maṣabīh no. ḥadīth 4082. Lihat al-Nawawi (t.t), *al-Adhkar* , al-Madinah al-Nabawiyah, h.87

<sup>201</sup> *Bikr* : jamaknya “*abkhār*” : anak sulung, teruna, anak dara, gadis. Lihat *Qāmus al-Marbawī*, (1990), *op.cit* , h. 55

<sup>202</sup> Ḥadīth diriwayatkan oleh ‘Abdullāh ibn ‘Umar. Lihat al-Suyūtī, *al-Jāmi’ al-Saghīr* no. ḥadīth 5509

<sup>203</sup> *Qubul* : di hadapan, faraj perempuan. Lihat *Qāmus al-Marbawī* (1990), *op.cit* , h. 112

<sup>204</sup> *Jima* : “*waṭī*” , setubuh isteri . *Ibid* , h. 108

<sup>205</sup> Dengu/Dungu: tongong, bebal, bodoh, tolol, dongok. Lihat Kamus Dewan (2010), *op.cit* , h.371

<sup>206</sup> (kemaluan)

<sup>207</sup> Orang (bapa, datuk, abang, bapa saudara, sepupu laki-laki) yang boleh menikahkan pengantin perempuan. *Ibid.*, h.1797

( Dan lagi ) pula bahawa ada ia perempuan yang beranak lagi pengasih akan suaminya dan [di]ketahui akan yang demikian itu dengan segala kerabatnya, lagi ia [m]empunya bangsa kepada ulama atau *saluhā*<sup>210</sup>.

( Dan makruh ) berkahwin dengan anak zina atau anak yang dipungut atau tiada tahu akan bapanya atau anak orang fāsiq<sup>211</sup> atau *bid'ah*<sup>212</sup>.

(Dan lagi sunat) bahawa ada perempuan itu tiada kerabat yang hampir kerana ḥaif syahwat dan datang anaknya ḥaif pula melainkan kerana *maṣlaḥah* seperti kerana me[ng]ubungkan rahim dan menutupi akan dia dengan sebab ketiadaan orang lain mendirikan atau lainnya.

( Dan lagi [sunat] ) ada ia baik perangainya, lagi ada ia yang sudah dilihat akan mukanya dan dua tangannya. Maka jika tiada didapat maka disuruh akan perempuan yang kepercayaan menilik akan dia dan menghabarkan dia seperti yang dilihatnya, adalah yang demikian itu kemudian<sup>213</sup> daripada citanya akan berkahwin akan dia dahulu<sup>214</sup> daripada pinangnya .

<sup>208</sup> Bermakna “sampai umur” iaitu kanak-kanak yang telah bermimpi. Berasal dari kata kerja “*balagha, yablughu, bulugh, fa huwa baligh.*” Lihat al-Fayyumi (1987), *al-Miṣbāh al-Munīr*. Beirut: al-Maktabah Lubnan, j.1, h. 61. Seorang yang sudah baligh dituntut melakukan perkara-perkara yang diperintahkan oleh syarak seperti solat, puasa, zakat dan lain-lain. Tanda-tanda baligh pada budak lelaki ialah bermimpi dan pada budak perempuan ialah keluar haid. Jika fenomena-fenomena ini tidak berlaku, maka dikira *baligh* dengan maksimum umur. Jumur ulama menghadkan umur baligh dengan lima belas tahun, manakala al-Imām Abū Hanifah mengatakan lapan belas tahun bagi budak lelaki dan tujuh belas tahun bagi budak perempuan. Lihat ‘Abbās Mutawalli Hammadah (1968), *Uṣūl al-Fiqh*, c.2. Kaherah:Dār al-Ta'lif .h. 371-372.

<sup>209</sup> مصلحة : jamaknya barang mendatangkan baik. Lihat *Qāmūs al-Marbawi* (1990), op. cit, h. 342.

<sup>210</sup> صلاته : mufradnya صلحة : yang baik, yang soleh. *Ibid* , h. 342

<sup>211</sup> Yakni tidak memperdulikan perintah Allah, berdosa besar, buruk (jahat) perangai. Lihat Abu Hasan Din al-Hāfiẓ (2010), *Furu' al-Masā'il wa Uṣūl al-Wasā'il*, karangan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatānī, Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd., h.748

<sup>212</sup> عَدْعَةٌ : jamaknya عَدْعَةٌ : perkara baru yang menyalahi syarak. Orang yang mengada-adakan urusan agama, yang tidak ada pada zaman Nabi atau masa selepasnya juga tidak ada asal dari syarak. Bid'ah terbahagi kepada dua: bid'ah *dīniyyah* dan bid'ah *duniawiyyah*. Bid'ah *dīniyyah* terbahagi pula kepada empat: *Mukaffarah, muharramah, makrūhah tahrīm* dan *makrūhah tanzīh*. Ada pun bid'ah *duniawiyyah* hukumnya tidak berdosa selagi ia memberi manfaat dan tidak mendatangkan mudarat seperti bertentangan dengan syarak. Lihat al-Ḥawāmidi,(1948), *al-Sunan wa al-Mubtada'āt*, al-Hawāmidiyyah, Jīzat: Matba'ah Anṣār al-Sunnah al-Muḥammadiyyah, c.2, h.11

<sup>213</sup> Yakni selepas

<sup>214</sup> (sebelum)

( Dan lagi ) sunat

[ Halaman 5]

bahawa adalah perempuan yang tiada ada anaknya yang [se]lain daripadanya (dan) ada ia elok rupa[paras]nya dengan sekira-kira tabiatnya<sup>215</sup> lagi jangan ada ia putih pucat yakni balu lagi jangan ada sangat tinggi dan sangat rendah

(dan makruh ) berkahwin akan perempuan yang sangat perasanya,

( dan ) lagi jangan ada perempuan yang ditalak lagi gemar ia akan suaminya dan ada ia yang sedikit isi kahwinnya dan jikalau berlawanan segala sifat yang tersebut itu, maka dahulukan yang mempunyai agama, kemudian yang mempunyai akal, kemudian maka yang baik perangainya, kemudian maka yang beranak, kemudian yang baik bangsanya, kemudian yang *bikr* , kemudian yang elok rupanya. ( Dan sunat ) diamat-amati akan segala sifat ini .

( Dan demikian lagi ) sunat bagi wali [bagi] perempuan itu memeliharaikan segala perkara ini bagi laki-laki yang hendak berkahwin dengan anaknya dan jangan dikahwinkan anaknya akan [seorang] laki-laki yang jahat rupanya<sup>216</sup> dan jahat perangainya<sup>217</sup> atau laki-laki yang ada ia agamanya *daif*<sup>218</sup> atau ada ia laki-laki yang tiada kuasa mendirikan haknya atau tiada kufunya dan terlebih sangat jika ada ia zalim atau fasiq atau yang meminum arak atau bid'ah atau ada ia laki-laki yang usahanya yang haram maka adalah segala perkara itu makruh (tetapi) haram jika diketahuinya laki-laki yang *liwāt*<sup>219</sup>.

---

<sup>215</sup> Yakni kecantikannya yang asal

<sup>216</sup> Yakni hodoh rupa parasnya

<sup>217</sup> Yakni buruk perangainya

<sup>218</sup> (lemah). Lihat *Qānūn al-Marbawī* (1990), *op.cit.*,h 325. Maksudnya tidak berpegang kuat dengan agama

<sup>219</sup> Dari segi bahasa ialah mendatangi lelaki pada bahagian duburnya dan ia merupakan amalan kaum Nabi Lüt a.s. manakala dari segi istilahnya ialah memasukkan kepala zakar atau kadarnya ke dalam dubur lelaki walaupun hamba lelakinya atau perempuan yang bukan isterinya atau hamba perempuannya. Hukumnya sama seperti zina di sisi kebanyakan ulama. Lihat Maḥmūd Abd al-Rahmān Abd al-Mun'in, (1999), *Mu'jam al-Muṣṭalahāt wa al-alfāz al-Fiqhiyyah*, Qahirah, Dār al-Fadīlah h. 186

( FAEDAH )<sup>220</sup> Apabila me[ng]yenhaja seorang akan berkahwin akan satu perempuan lagi diharap akan *qabulnya* sunat ia menilik kepadanya dahulu daripada pinang dan jikalau tiada diizinkan sekalipun memadalah dengan izin syarak dan harus berulang-ulang menilik itu dan jangan ditilikkan melainkan muka dan dua tangannya juga .

( Dan haram ) menilik laki-laki yang baligh jikalau *khasii*<sup>221</sup> sekalipun kepada perempuan yang merdeka lagi besar kira-kira sampai keinginan laki-laki yang sejahtera perangainya lagi *halat*<sup>222</sup> sama ada ia takut akan fitnah atau tiada

( tetapi) tiada haram melihat pada cermin jika tiada takut fitnah ,<sup>223</sup>

( demikian lagi ) tiada haram mendengar suaranya tetapi makruh juga jika tiada takut fitnah dan tiap -tiap yang haram memandang berhubungnya, [maka] haram pula memandang tetakala bercerai seperti kuku perempuan atau rambutnya atau bulu ari-ari laki-laki .<sup>224</sup>

( Dan demikian lagi ) tiap-tiap haram melihat, haram pula menyentuh akan dia sama ada berhubung atau bercerai kerana terlebih sangat daripada memandang membawa keinginan.

( Dan demikian lagi ) haram memandang laki-laki akan *mahram*<sup>225</sup> nya antara pusat dan lutut dan harus barang yang lainnya .

<sup>220</sup> Bermaksud “suatu pengajaran yang perlu diberi perhatian”.

<sup>221</sup> jamaknya خصيٌّ : yang berkasi pelirnya.Bermaksud mereka yang terpotong dua biji zakarnya tapi zakarnya tetap ada. Lihat *Qāmus al-Marbawi* (1990), *op.cit.*,h 175 dan *Kamus Bahasa Arab- Bahasa Melayu* (2006), h. 126

<sup>222</sup> Maksudnya: perempuan yang bukan mahramnya atau perempuan asing. Lihat: *Kamus Dewan* (2010), *op.cit.*, h. 357

<sup>223</sup> Al-Nawawi (2010) *Minhāj al-Tālibīn wa 'Umdah al-Muftīn*, Kaherah: Dār al-Taufiqiyah Li al-Thurāth, h. 127

<sup>224</sup> Lihat Syeikh Ibn Hajar al-Haitamī (t.t), *Tuhfah al-Muhtaj Fī Syarh al-Minhāj*, j. 7, Mesir: Maṭba'ah Muṣṭafa Muhammād., h.208

<sup>225</sup> Mereka yang haram kahwin dengannya atau orang asing. Lihat Marsden (1812), *A dictionary of the Malayan language, in two parts Malayan and English and English and Malayan*, London: Longman, Hurst, Rees, h.359

( Bermula ) yang *asah*<sup>226</sup> [hukum] sahaya<sup>227</sup> perempuan itu seperti perempuan yang merdeka jua dan harus memandang kepada kanak-kanak perempuan yang belum lagi sampai had syahwat melainkan farajnya .

( Dan demikian lagi ) harus memandang sahaya laki-laki kepada penghulunya perempuan seperti memandang laki-laki kepada mahramnya .

( Dan demikian lagi ) memandang orang yang *mamsuh*<sup>228</sup> yakni yang sudah hilang zakarnya dan dua bijinya kepada perempuan yang *halat* seperti memandang laki-laki kepada mahramnya jua dan kanak-kanak yang hampir baligh seperti hukum baligh dan harus memandang laki-laki [se]sama laki-laki melainkan antara pusat dan lututnya, melainkan muda belia yang elok rupanya, maka haram memandang akan dia sama ada dengan syahwatnya atau tiada

( Bermula ) [hukum] memandang perempuan sama-sama perempuan seperti memandang laki-laki sama laki-laki jua.

( Dan haram ) perempuan kafir *dhimmi*<sup>229</sup> memandang kepada perempuan yang Islam yang [se]lain daripada tuannya dan memandang perempuan kepada laki-laki yang *halat* itu seperti memandang laki-laki akan perempuan .

( Dan ) harus memandang perempuan kepada laki-laki yang mahramnya yang lain daripada pusat dan lututnya .

( Dan ) harus memandang dan bersentuh kerana berbekam<sup>230</sup> be[r]ubat jika ada hadir mahramnya sertanya dan ketiadaan perempuan yang mengetahui demikian itu .

<sup>226</sup> أَصَحٌ : yang terlebih sahih

<sup>227</sup> Yakni abdi, hamba. Lihat *Kamus Dewan* (2010), op. cit, h. 1366

<sup>228</sup> *Mamsuh*: yakni yang disapu. Lihat *Qāmus al-Marbawī* (1990), op.cit., h.258. Tetapi yang dikehendaki di sini sebagaimana dalam teks kitab

<sup>229</sup> Orang kafir yang tunduk (patuh) kepada pemerintahan Islam seperti dengan membayar cukai (nyawa, harta dan kehormatan mereka dilindungi serta mendapat keadilan). Lihat Abu Hasan Din al-Hāfiẓ (2010), op. cit., h.751

<sup>230</sup> Bekam: mengeluarkan darah kotor dari badan orang (menghisap dengan tanduk atau cawan panas serta membedah sedikit. Lihat *Kamus Dewan*,(2010), op.cit, h. 89.

( Dan demikian lagi ) harus memandang kerana berjual beli dan naik saksi dan belajar dengan syarat ketiadaan mahramnya yang tahu dan ketiadaan bersunyi pada suatu khalwat dan harus bagi suami memandang akan sekalian badan isterinya tetapi makruh ia memandang kepada farajnya dan di dalam farajnya terlebih sangat jikalau ketika jimak sekalipun .

( Dan demikian lagi ) memandang faraj dirinya dengan ketiadaan hajat iaitu makruh.<sup>231</sup>

( MASAELAH )<sup>232</sup> Haram berguling dua orang laki-laki atau dua orang perempuan yang bertelanjang keduanya di dalam kain yang satu jikalau tiada bersentuh atau ada ia serta bapanya atau ibunya sekalipun .

( Adapun ) yang sunat pada berkahwin itu amat banyak, maka setengah daripadanya didahulukan meminang daripada berkahwin, maka sunat ia meminang akan perempuan jika sunyi daripada isteri

## [Halaman 6 ]

orang dan ‘iddah<sup>233</sup> orang lain dan jangan sudah ia pinang orang lain yang sudah diterimanya dan tiada harus *ditashrihkan*<sup>234</sup> jika ada ia dalam ‘iddah bain<sup>235</sup>.

(Dan demikian lagi) tiada *ta’rid*<sup>236</sup> bagi *raj’iyyah*<sup>237</sup> (tetapi) harus *ta’rid* di dalam ‘iddah wafat<sup>238</sup> dan ‘iddah bāin ( dan haram ) meminang atas pinang orang yang lain

---

<sup>231</sup> Ramlī, Syams al-Dīn Muhammad bin Abī al-‘Abbās Aḥmad b. Ḥamzah Ibn Shihāb al-Dīn al- (1984), *Nihāyah al-Muhtāj Ilā Syarh al-Muhtaj*, Beirut: Dār al-Fikr Li al-Ṭibā’ah, h. 199

<sup>232</sup> (masalah)

<sup>233</sup> *Iddah* : Masa yang wajib dinanti oleh seseorang perempuan untuk membolehkannya berkahwin lagi dengan lelaki lain (tiga kali suci haid bagi perempuan yang bercerai ketika suci dari haid, setelah melahirkan anak bagi perempuan yang mengandung dan tiga bulan bagi perempuan yang putus haid atau yang belum keluar haid kerana masih kecil. Tujuannya untuk memastikan kekosongan rahimnya dari mengandung. Lihat *Kamus Dewan* (2010), *op.cit*, h. 558

<sup>234</sup> *Taṣrīḥ* pada pinangan bermaksud setiap lafaz yang jelas dengan gemar/berkehendak pada nikah seperti katanya: Saya muahu kahwin dengan engkau atau apabila selesai idah kamu, saya akan kahwini kamu. Muṣṭafa al-Khin, Muṣṭafa al-Bughā dan ‘Alī al-Syarbajjī (1987), *al-Fiqh al-Manhājī ‘alā Mazhab al-Imām al-Syāfi’ī*, Dimasqī, Dār al-Ulūm, h.51

<sup>235</sup> *Iddah bāin* iaitu idah yang tidak membolehkan bekas suami merujuk semula isterinya melainkan dengan akad nikah yang baru. Ia merangkumi talak tiga, *li’ān, fasakh, khulu’* (tebus talak), *īla’* dan isteri yang belum disetubuhi.

<sup>236</sup> *Ta’rid* pada pinangan bermaksud bahawa ia menggunakan lafaz yang membawa maksud/gambaran berkehendak pada nikah dan ketidak sanggupan kahwin seperti ia berkata kepada perempuan yang masih beridah: “Awak seorang yang cantik atau berapa ramai orang yang berkenan kepada awak” atau “alangkah beruntungnya orang yang dapat memiliki awak” atau seumpamanya. Lihat Muṣṭafa al-Khin, Muṣṭafa al-Bughā dan ‘Alī al-Syarbajjī (1987), *op.cit*, h.51,

<sup>237</sup> Iaitu *iddah* yang membolehkan bekas suami merujuk semula isterinya. Ia hanya untuk talak satu dan talak dua sahaja. *Ibid*

<sup>238</sup> Iddah kematian suami iaitu wanita yang sesudah meninggalnya suaminya tempoh iddah adalah 4 bulan dan 10 hari (mengikut tahun hijrah). *Ibid*

yang sudah diterimanya melainkan dengan izinnya (tetapi) jika tiada diperkenankan dan tiada ditolakkan, tiada haram meminang akan dia dan barang siapa menuntut *musyawarat* pada yang meminang atau lainnya yang berkehendak berhimpun dengan dia, maka wajib disebutkan kejahatannya dengan sebenarnya supaya dapat dijauhkan berhimpun dengan dia,

(Dan setengahnya) sunat mendahului khutbah daripada meminang seperti dibacanya :

(بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ أُوْصِيْكُمْ وَتَفْسِيْ بِتَقْوَى اللَّهِ )

Kemudian maka katanya :

أَمَّا بَعْدُ فَقَدْ جَتَنْكُمْ خَاطِبًا كَرِيمَتُكُمْ فُلَانَةً

*Adapun kemudian daripada itu maka sungguhnya datang  
aku akan kamu kerana meminang kemuliaan kamu seanu,*

Kemudian, maka membaca khutbah oleh wali pula seperti dahulunya, kemudian katanya:

(لَسْتُ بِمُرْغُوبٍ عَنْكَ )

*Tiada ku gemar daripada kamu jika tiada ia perkenan*

dan sunat membaca khutbah tatkala akan ‘aqad seperti membaca walinya atau suaminya atau [se]lainnya daripada keduanya, maka inilah lafaz khutbahnya :<sup>239</sup>

( الْحَمْدُ لِلَّهِ بِحَمْدِهِ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَسَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِي اللَّهَ فَلَا مُضِلٌّ لَهُ وَمَنْ يُضْلِلُ اللَّهَ فَلَا هَادِيَ لَهُ وَأَشَهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشَهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ ۚ ۲۴۰ أَرْسَلَهُ بِالْهُدَى وَدَنَّى الْحَقَّ لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَلَوْ كَرِهَ الْمُشْرِكُونَ ( وَعَدْ ) فَإِنَّ اللَّهَ تَعَالَى أَهْلَ النِّكَاحَ وَنَدِيبَ إِلَيْهِ وَحَرَمَ السَّفَاحَ وَأَوْعَدَ عَلَيْهِ

<sup>239</sup> Khutbah ini sentiasa dibaca oleh Pendaftar Nikah Negeri Kelantan ketika menikahkan pasangan pengantin. Ianya dicetak oleh MAIK dan diedarkan kepada semua Pendaftar Nikah. Lihat Hj. Mohd Shukeri B. Muhammad: *Perkahwinan Beberapa Persoalan Berbangkit Mengenainya*. (Kertas kerja Kursus Pengurusan Dan Pentadbiran Pegawai Masjid Negeri Kelantan 1 / 2002), MAIK, h. 6

<sup>240</sup> Hadith riwayat Abi Dawud no.hadith 2118, *Sunan al-Turmidhi* no.hadith 1105, *Sunan al-Nasai* no.hadith 89/6, *Musnad Ahmad bin Hanbali* no.hadith 302/1, *Musykat al-Masabih* no.hadith 3149.

فَقَالَ تَعَالَى : وَلَا تَقْرُبُوا إِلَيْنَا إِنَّهُ كَانَ فَحِشَةً وَسَآءَ سَبِيلًا ....<sup>٢٤١</sup>

وَقَالَ تَعَالَى : يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَتَقُولُوا أَللَّهُ حَقٌّ تُقَاتِلُهُ<sup>٢٤٢</sup> وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ

وَقَالَ تَعَالَى : يَأَيُّهَا النَّاسُ أَتَقُولُ أَنَّكُمُ الَّذِينَ خَلَقْتُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا  
وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً وَأَنْقُو أَللَّهُ الَّذِي تَسَاءَلُونَ بِهِ وَالْأَرْحَامُ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ<sup>٢٤٣</sup>  
رَقِيبًا

وَقَالَ تَعَالَى : يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَتَقُولُوا أَللَّهُ وَقُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا  يُصْلِحُ لَكُمْ<sup>٢٤٤</sup>  
أَعْمَالَكُمْ وَيَغْفِرُ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَمَنْ يُطِيعُ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ فَازَ فَوْزًا عَظِيمًا

وَقَالَ صَلَى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَمَ : النَّكَاحُ سُنْتِي فَمَنْ رَغَبَ عَنْ سُنْتِي فَلَيْسَ مِنِّي . ،<sup>٢٤٥</sup>

وَقَالَ : إِنِّي شَابٌ تَرَوَّجَ عَجَّ شَيْطَانَهُ قَائِلًا يَا وَيَاهَ عَصَمَ مِنِّي ،<sup>٢٤٥</sup>

وَقَالَ عَلَيْهِ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ : ( رُكْعَاتٍ مِنَ الْمُتَرَوِّجِ أَفْضَلُ مِنْ سَبْعِينَ رُكْعَةً مِنَ<sup>٢٤٦</sup>  
الْعَزْبِ ) ، وَقَالَ صَلَى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَمَ : ( تَرَوَّجُوا وَلَا تُطْلَقُوا فَإِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ  
الذُّوَاقَيْنَ وَلَا النُّوَاقَاتِ ) ، وَقَالَ : ( تَرَوَّجُوا النِّسَاءَ فَإِنَّهُنَّ يَأْتِيْنَ بِالْمَالِ ) ،<sup>٢٤٧</sup>

وَفِيمَا ذَكَرْنَاهُ مِنَ الْآيَاتِ وَالْأَخْبَارِ كِفَايَةً لِذُوِّي الْبَصَائِرِ وَيَحْسِنُ التَّιَامُونُ بِخُطْبَةِ سَيِّدِ  
الْأَنَامِ حِينَ زَوْجَ عَلِيًّا بِفَاطِمَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا فَقَالَ : الْحَمْدُ لِلَّهِ الْمَحْمُودُ بِنَعْمَتِهِ  
الْمَعْبُودِ بِقُدرَتِهِ الْمُطَاعِ بِسُلْطَانِهِ الْمَرْهُوبِ مِنْ عَذَابِهِ وَسَطْوَتِهِ التَّنَافِذُ أَمْرُهُ فِي سَمَائِهِ  
وَأَرْضِهِ وَخَلَقَ الْخَلْقَ بِقُدرَتِهِ وَمَيَّزَهُمْ بِأَحْكَامِهِ وَأَعْزَزَهُمْ بِدِينِهِ وَأَكْرَمَهُمْ بِنَبَيِّهِ مُحَمَّدٌ  
صَلَى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَمَ أَنَّ اللَّهَ تَبَارَكَ اسْمُهُ وَتَعَالَّتْ قُدْرَتُهُ جَعَلَ الْمُصَاهَرَةَ نَسْبًا لَاحِقًا  
وَأَمْرًا مُفْتَرِضًا أَوْ شَجَّ بِهِ الْأَرْحَامُ وَأَكْرَمَ الْأَنَامَ فَقَالَ عَزَّ مَنْ قَائِلٌ وَهُوَ الذُّيْ جَعَلَ مِنَ  
الْمَاءِ بَشَرًا فَجَعَلَهُ نَسْبًا وَصَهْرًا وَكَانَ رَبُّكَ قَدِيرًا فَأَمَرَ اللَّهُ يَعْرِي إِلَى قَضَائِهِ وَقَضَاؤُهُ  
يَحْرِي إِلَى قَدْرِهِ وَلِكُلِّ قَضَاءٍ قَدْرٌ وَلِكُلِّ قَدْرٍ أَجَلٌ وَلِكُلِّ أَجَلٍ كِتَابٌ يَمْحُو اللَّهُ مَا  
يَشَاءُ وَيُثْبِتُ وَعِنْدَهُ أُمُّ الْكِتَابِ

( وَبَعْدَ فَإِنَّ الْأُمُورَ كُلُّهَا بِيَدِ اللَّهِ يَقْضِي فِيهَا مَا يَشَاءُ وَيَحْكُمُ مَا يُرِيدُ لَا مُؤْخَرٌ لَمَا قَدَّمَ  
وَلَا مُقْدَّمٌ لِمَا أَخَرَ وَلَا يَجْتَمِعُ النَّاسُ وَلَا يَقْتَرِقُونَ إِلَّا بِقَضَاءٍ وَقَدْرٍ وَكِتَابٌ مِنَ اللَّهِ قَدْ<sup>245</sup>

<sup>241</sup> Sūrah al-Isrā' (17) : 32

<sup>242</sup> Sūrah Ālī Imrān (3) : 102

<sup>243</sup> Sūrah al-Nisā (4) : 1

<sup>244</sup> Sūrah al-Āhzab (33) : 70-71

<sup>245</sup> Ḥadīth diriwayatkan oleh Jabir. Lihat Ibn Hajar al-‘Asqallānī, *al-Kāfi al-Shāfi* no.ḥadīth 201. Pada isnadnya Khalid ibn Isma’il al-Makhzumi sedangkan dia matruk.

<sup>246</sup> Ḥadīth diriwayatkan oleh Anas. Lihat Ibn al-Jawzi, *Mawdu’at Ibn al-Jawzi* no.ḥadīth 3/42.

<sup>247</sup> Ḥadīth diriwayatkan oleh ‘Aisyah. Lihat al-Zaila’I, *Takhrij al-Kassaf* no.ḥadīth 2/443

سَيِّقَ ، أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَعْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ إِنَّهُ هُوَ التَّوَّابُ  
الرَّحِيمُ ( ٢٤٨ ) .

(Dan demikian lagi) sunat bahawa berkata wali atau lainnya sebelum lagi ia ‘aqad nikah :

( أَزْوَجْتُكَ عَلَى أَمْرِ اللَّهِ بِهِ مِنْ إِمْسَاكٍ بِمَعْرُوفٍ أَوْ تَسْرِيحٍ بِإِحْسَانٍ )

*Ku kahwinkan dikau atas barang yang disuruh Allāh Ta’ālā akan dia daripada memegang dengan ma’rūf atau engkau lepaskan dengan kebajikan*

(Dan sunat) menyebut isi kahwin pada *ijabnya* dan *qabulnya* seperti ia berkata yakni wali atau lainnya yang me[ng]’aqadkan nikah :

( زَوَّجْتُكَهَا بِكَذَا )

*Aku kahwinkan akan dikau dengan isi kahwin sekian,*

maka jawab mempelai <sup>249</sup>:

( قَبِيلْتُ نَكَاحَهَا عَلَى هَذَا الصَّدَاقِ )  
*Aku terima akan nikahnya*

### [Halaman 7] atas isi kahwin ini

dan jika berkata yang meng‘aqad kan nikah : “Aku kahwinkan dikau akan dia dengan isi kahwin seribu dirham, maka jawab mempelai : “Aku terima kahwinnya dan tiada disebut isi kahwin ini, maka sah kahwinnya, tiada wajib mahar *musammā*<sup>250</sup> dan wajib mahar *mithil*<sup>251</sup>jua .

(Dan demikian lagi) sunat bahwasanya adalah isi kahwin itu jangan kurang daripada sepuluh dirham Islāmi<sup>252</sup> dan jangan lebih daripada lima ratus dirham.

<sup>248</sup> Khutbah ini pernah dibaca oleh Nabi (S.A.W ) pada ketika ‘aqad nikah ‘Ali dengan Fātimah. Khutbah ini tidak diberi pengertiannya.

<sup>249</sup> Pengantin. Lihat Kamus Dewan,(2010), *op.cit*, h.728

<sup>250</sup> Mahar *musammā* : iaitu maskahwin yang telah ditetapkan dan telah dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak dengan tidak memandang kepada nilai maskahwin saudara-saudara perempuan sebelah ayahnya.

<sup>251</sup> Mahar *Mithil*. Iaitu Mahar yang dinilai mengikut maskahwin kaum kerabat perempuan pada keturunan daripada sebelah pihak ayahnya yang telah berkahwin lebih dahulu dan hendaklah yang dinilai sama dengan maskahwin keluarganya yang paling dekat sekali seperti kakak, ibu saudarana dan seterusnya disamping menilaikan keadaan perempuan itu sendiri dari segi kecantikan, kekayaan, pelajaran dan sebagainya. Muṣṭafā al-Khin, Muṣṭafā al-Bughā dan ‘Ali al-Syarbaji (1987), *al-Fiqh al-Manhajī ‘alā Mazhab al-Imām al-Syāfi‘ī*, Dimasqi, Dār al-Ulām.h.80

<sup>252</sup> Satu dirham Islami menyamai dengan 3 gram perak. Maḥmūd Abd al-Rahmān Abd al-Mun‘in, (1999), *op.cit.*, h.80

(Dan demikian lagi) sunat me[ng]hadirkan beberapa orang ahli *al-solāh*<sup>253</sup> dan ulama tatakala ‘aqad lebih daripada syahid dan walinya .

### Sunat berbuat Walimah Dan Perkenangan Seruan.

(Dan demikian lagi) sunat me[ng]zahirkan nikah jangan tersembunyinya kerana sabda Nabi (S.A.W):<sup>254</sup> (أَعْلَمُوا النِّكَاحَ) *Nyatakan olehmu akan berkahwin,*

lagi ada ia ‘aqad itu di dalam masjid, lagi pada bulan Syawwal dan pada pagi-pagi hari Jumaat dan sunat pula *dukhūl*<sup>255</sup> pada bulan Syawwal.<sup>256</sup>

(Dan demikian lagi) sunat mendoakan bagi dua laki isteri kemudian daripada ‘aqad nikah dengan katanya :

( بَارَكَ اللَّهُ وَبَارَكَ عَلَيْكَ وَجَمِيعَ بَيْنَكُمَا فِي خَيْرٍ )<sup>257</sup>

“Telah memberi berkat Allāh Ta’ālā bagimu dan memberi berkat atas kamu dan dihimpunkan antara kedua kamu dengan kebajikan” .

**(FAEDAH)** Kata Syeikh ibn Hajar di dalam *Tuhfah*<sup>258</sup> sunat bahawa menghantarkan tangan kepada ubun-ubun isterinya pada mula berjumpanya dan mendoakan ia dengan kata ( بَارَكَ اللَّهُ لِكُلِّ مَا فِي صَاحِبِهِ ), maka apabila berkehendak setubuh dengan dia

sunat bahawa menutupi keduanya dengan kain yang satu dan mendahulukan bersuci<sup>259</sup> dan memakai bau-bau dan mengkucup<sup>260</sup> dan bergurau-gurau daripada tiap-tiap yang membangkitkan syahwat kedua-duanya .

<sup>253</sup> Yakni: baik, kebaikan atau warak. Lihat *Qāmus al-Marbawi* (1990), *op. cit.*, h. 341

<sup>254</sup> Lihat Musnad Ahmad bin Hanbal no. ḥadīth (4/5), al-Mustadrak no. ḥadīth (3/183), al-Sunan al-Kubra no. ḥadīth (7/288)

<sup>255</sup> دُخُولٌ : maknanya masuk lawan perkataan keluar. Digunakan pada tempat, masa dan gerak kerja. Maksudnya melakukan persetubuhan. Mahmūd Abd al-Rahmān Abd al-Mun‘in, (1999), *op. cit.*, h 78.

<sup>256</sup> Syaykh Ibnu Hajar al-Haytamī (t.t), *Tuhfah al-Muhtaj Fī Syarh al-Minhāj*. j. 7, Mesir: Maṭba‘ah Muṣṭafa Muhammād, h. 216

<sup>257</sup> Hadith riwayat Abī Dawud, al-Tirmidhi dan Ibnu Mājah dari Abī Hurairah. Lihat al-Nawawi (t.t), *al-Azkār al-Nawawi*, Bandung, Indonesia: Syarikat al-Mā‘rif li al-Ṭaba‘, h. 251.

<sup>258</sup> Lihat Syeikh Ibnu Hajar al-Haitamī (t.t), *op.cit.*, h.354

<sup>259</sup> Yakni berwuduk

<sup>260</sup> (mengkucup)

(Dan demikian lagi) sunat membaca tiap-tiap daripada kedua laki isteri

( بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ حَبَّبْنَا الشَّيْطَانَ وَجَحَبْ الشَّيْطَانَ مَا رَزَقْنَا ) <sup>٢٦١</sup>

*Dengan nama Allāh hai Tuhanku jauhkan olehMu akan kami syaitan dan jauhkan akan syaitan barang yang engkau beri rezeki akan kami .*

(Dan makruh) berkata-kata ketika jimak dan haram mencetrakan<sup>262</sup> orang akan perkara yang hasil bagi dua laki isteri ketika jimak .

(Dan sunat) ada ia pada malam Jumaat, istimewa pada waktu sahur atau pada harinya dan tatkala datang daripada musafir, dan tatkala melihat akan perempuan yang kejangang<sup>263</sup> akan dia .

(Dan sunat) berubat supaya kuat zakarnya jika dengan *qasad*<sup>264</sup> yang kebajikan seperti memelihara akan dirinya dan isterinya dan kerana dapat anak .

(Dan sayugia)<sup>265</sup> dijauhkan pada awal bulan dan akhirnya dan tengahnya dan tatkala sangat kenyang dan tatkala hasil syahwat dengan mengkhayalkan rupa perempuan yang halat dan sunat apabila *inzal*<sup>266</sup> ia dinantinya hingga *inzal* isterinya, *wal Allāh a'lam* .

(Dan demikian lagi ) setengah daripada sunat mentaubatkan dua *syuhūd* yang *mastūr*<sup>267</sup> keduanya dahulu daripada ‘aqad

( Dan ) lagi sunat disaksikan atas reda perempuan yang *dii'tibarkan* redanya.<sup>268</sup>

( Dan demikian lagi ) sunat bagi bapa mensaksikan atas reda anaknya yang *bikr* (tetapi) tiada wajib dan tiada lagi jadi syarat pada sah nikah jika berkata saudara perempuan

<sup>261</sup> Ḥadīth Al-Bukhārī, Muslim, Aḥmad dan Aṣḥāb al-Sunan al-Ārba'ah: Semuanya dari ḥadīth ibn 'Abbās. Lihat al-Nawawi (t.t), *al-Adhkār al-Nawawi*, op. cit, h. 252.

<sup>262</sup> (menceritakan)

<sup>263</sup> Kejengkang : jatuh terlentang, kekakuan atau keras (anggota). Lihat Kamus Dewan (2010), op.cit, h 484. *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan* (1995), Petaling Jaya: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd, h. 826

<sup>264</sup> Qasad bermakna “mencari sesuatu dan pergi kepadanya”. Dalam Bahasa Arab “*qaṣada, yaqṣidu, qaṣd*”. Lihat al-Fayyūmī (1987), op. cit., j.2, h. 998.

<sup>265</sup> (sebaik-baiknya)

<sup>266</sup> Dari segi bahasa ialah keluar mani dengan sebab jimak atau lainnya. Dari segi istilah ialah keluar air mani lelaki atau perempuan dengan sebab jimak atau mimpi atau pandang atau selainnya. Maḥmūd Abd al-Rahmān Abd al-Mun'in, (1999), op. cit , h .308.

<sup>267</sup> *Isim maf'ul* dari perkataan *satara* (yang tertutup, yang tersembunyi). Lihat *Qāmus al-Marbawī* (1990), op. cit, h. 279. Maksudnya saksi yang kefasiqannya tersembunyi.

<sup>268</sup> Al-Nawawi (2010), op.cit, h.259

bagi seorang laki-laki: “Saudaraku izin bagiku pada kahwinkan dia daripada kamu”, nescaya harus laki-laki itu qabulkan nikahnya dan tiada diberat saudara akan saksi pada menyatakan redanya dan izinnya dan jika berkata seorang laki-laki: “Telah berwakil seanu akan daku dengan mengkahwinkan anaknya akan kamu”, nescaya harus ia pegang atas katanya jika *zann*<sup>269</sup> ia akan benarnya.

(Dan demikian lagi) disyaratkan sah menanggung saksi itu akan reda perempuan yang hendak dikahwin[i] itu mendengar ia akan katanya, dan melihat akan mukanya dan tiada sah menanggung saksi atas perempuan yang tertutup mukanya berpegang atas suaranya, maka jika mengetahui akan dia atau diketahui akan namanya dan bangsanya, nescaya harus menanggung saksi dan harus menanggung atas perempuan itu mengkhabarkan oleh seorang yang adil atau dua orang yakni berpegang oleh saksi akan perempuan ini seanu anak seanu atau lainnya dengan kata seorang adil atau dua orang adil .

( Dan demikian lagi ) sunat jangan dikahwinkan anak perempuan yang *bikr* hingga baligh dahulu dan mintak<sup>270</sup> izin padanya, maka apabila hampir baligh dan berkehendak kahwin akan dia sunat bahawa disuruhkan beberapa perempuan yang kepercayaan menilik<sup>271</sup> ia akan pekerjaannya supaya baik hatinya .

( Dan demikian lagi ) sunat pula mintak izin daripada ibunya dan *musyawarat*<sup>272</sup> dengan dia supaya membaikkan bagi hati.

( Dan setengah ) daripada sunat berkahwin itu *walimah* iaitu sunat *muakkad* iaitu diserukan kepada makanan yang disediakan bagi kedatangan kesukaan dan waktunya kemudian daripada ‘aqad nikah dan dikerjakan kemudian daripada *dukhūl* itu terafdal

---

<sup>269</sup> (sangkaan)

<sup>270</sup> (meminta)

<sup>271</sup> (memerhati betul-betul)

<sup>272</sup> (mesyuarat)

dan sunat menyembelih satu kambing itu terlebih afdal lagi dan dikerjakan malam itu *awla*.

( Dan sunat ) pula jangan dipatahkan tulang kambing itu seperti ‘*aqiqah*<sup>273</sup> jua, dan hasillah asal sunatnya dengan tiap-tiap makanan barang yang kuasanya daripada yang me[ng]enyangkan dan buah-buah kayu

### [ Halaman 8 ]

dan adalah Nabi (S.A.W) membuat *walimah* [ke]atas setengah daripada isterinya dengan dua cupak *syā’ir*<sup>274</sup> dan satu riwayat pula dikerjakan bagi Siti Ṣafiyyah dengan tamar dan minyak dan dadih kering<sup>275</sup> dan menyuruh akan Syaidina ‘Abd al-Rahmān<sup>276</sup> dengan menyembelih satu kambing<sup>277</sup> .

( Bermula ) memperkenankan dia (*walimah*)<sup>278</sup> itu *farḍu ‘ain*<sup>279</sup> jika tiada reda yang menyeru itu uzur, (dan kata) *qīl*<sup>280</sup> pula sunat jua,

( Dan ) hanya wajib memperkenankan itu dengan beberapa syarat, setengahnya jangan ditentukan bagi yang kaya jua dan diseru pada hari yang pertama, maka jika dikerjakan tiga hari tiada wajib pada hari kedua dan makruh pada yang ketiga dan lagi jangan ada di sana itu orang yang menyakiti dengan dia atau orang yang tiada patut kedudukan dengan dia.

<sup>273</sup> Pengertian akikah dari segi bahasa ialah rambut pada kepala kanak-kanak. Sementara dari segi syarak ialah binatang yang disembelih pada hari mencukur rambut bayi. Lihat Muhammad bin Abdullah al-Banjari (2010) : *Sabil al-Muhtadin li al-Tafaqquh Fi Amr al-Dīn*, Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn Bhd.

<sup>274</sup> (Gandum, barli). Lihat *Qāmus al-Marbawī* (1990), *op.cit* , h 321

<sup>275</sup> (mentega)

<sup>276</sup> Beliau ialah ‘Abd al-Rahmān bin ‘Auf bin al-Hārith daripada keturunan Banī Zahrah. Dilahirkan pada tahun 580M di Makkah al-Mukarramah. Ahli perniagaan terkenal. Memeluk Islam melalui dakwah Abū Bakar al-Siddīq. Memegang jawatan speaker(pengerusi) majlis syura pemilihan khalifah yang ketiga. Meninggal dunia pada tahun 32 H/654M ketika berusia 74 tahun

<sup>277</sup> Sabda Rasulullah :

عن أنس بن مالك رضي الله عنه أن النبي صلى الله عليه وسلم رأى عبد الرحمن بن عوف أثر صفرة فقال : "ماهذا؟" قال: "يا رسول الله إبني تزوجت امرأة على وزن نواة من ذهب فقال : "فبارك الله لك ، أو لم ولو بشاء" وهو حديث صحيح .

Hadith riwayat al-Bukhari, no. ḥatith 5167, Muslim, no. ḥatith 1427, Abu Dawud, no. ḥatith 2109

<sup>278</sup> (kenduri). Lihat *Qāmus al-Marbawī* (1990), *op.cit* ,h.89

<sup>279</sup> Perkara yang wajib ditunaikan oleh setiap umat Islam. Berdosa jika tidak ditunaikan seperti mendirikan solat, berpuasa, berzakat dan sebagainya). Lihat Sa’di Abū Jaib (1988) : *al-Qamus al-Fiqhi*, Dar al-Fikr, Damsyiq, h. 56

<sup>280</sup> Bermakna “percakapan” atau “perkataan”. Maksudnya ialah perkataan atau pendapat yang tidak diketahui individu yang berpendapat demikian. *Ibid.*, h.77

( Dan lagi ) jangan ada di sana itu pekerjaan yang munkar, melainkan dapat ia me[ng]hilangkan dia maka wajib ia hadir. Maka setengah daripada yang munkar itu hamparan sutera dan rupa binatang pada atapnya atau pada dindingnya atau pada tabirnya atau pada pakaianya, tiada [munkar] jika ada ia pada hamparannya dan bantal dan yang sudah terpotong kepalanya atau rupa pohon kayu,

( dan haram merupakan ) segala binatang dan tiada gugur farḍunya<sup>281</sup> itu dengan sebab puasa, maka jika ada ia puasa sunat berbuka itu *afḍal* jika kesukaran yang menyeru dan meniatkan berbuka itu kerana memasukkan kesukaan saudaranya yang Islam dan jika tiada kesukaran pada hati yang memanggil itu jangan berbuka puasanya itu *afḍal* atau puasa itu farḍu, maka haram ia berbuka ,

( dan harus ) memakan barang yang didatangkan baginya dengan tiada lafaz izin dan jangan ia *taṣarruf*<sup>282</sup> kan yang [se]lain daripada makan [untuk] dirinya jua,

( dan harus ) [ia] mengambil akan barang yang diketahui akan redanya

( dan harus ) menab[u]rkan dirham dan gula dan lainnya pada berkahwin dan lainnya

( dan harus ) memungut<sup>283</sup> dia dan meninggalkan itu *awla*<sup>284</sup>.

### ( MASAELAH )<sup>285</sup>

Wajib [ke]atas tiap-tiap orang yang berkahwin itu bahawa ia mengajarkan akan isterinya atau gundik<sup>286</sup>nya hukum *haid*<sup>287</sup> dan barang yang haram [ke]atasnya daripada haram sembahyang dan puasa dan wajib *qada* puasa tiada sembahyang dan lainnya. dan mengajarkan pula *iktiqād*<sup>288</sup> ahli al-sunnah wa al-jamā'ah<sup>289</sup> dan menakuti

<sup>281</sup> Yakni walimah itu

<sup>282</sup> (melakukan, menjalankan), Lihat *Qāmus al-Marbawi* (1990), *op.cit*, .h.338

<sup>283</sup> (mengambil)

<sup>284</sup> (lebih baik)

<sup>285</sup> (Masalah)

<sup>286</sup> Isteri yang tidak rasmi (di kalangan raja-raja), perempuan tang tidak dinikahi tetapi diperlakukan seperti isteri . Lihat *Kamus Pelajar Terbitan Khas KBSM*, Dewan Bahasa dan Pustaka (2000), h. 223

<sup>287</sup> (darah bulanan yang keluar dari faraj perempuan)

<sup>288</sup> (pegangan)

<sup>289</sup> Ibn Hazm mentakrifkan al-Sunnah sebagai mereka yang kita sebut sebagai Ahl al-Haq dan selain daripada mereka ialah ahl al-Bid'ah. Mereka adalah terdiri daripada para sahabat (r. a) dan semua yang mengikut manhaj mereka, iaitu para tabi'in (r. m), Aṣḥab al-Ḥadīth dan pengikut mereka dari kalangan ulama Fiqh, generasi demi generasi sampai hari ini dan pengikut mereka yang terdiri dari orang-orang awam yang berada di Timur dan di Barat. Lihat Ibn Hazm, *al-Fasl fi al-Milal wa al-Nihāh*, Dar al-Ma'rifah, Beirut.c.11.1395

akan dia apabila me[per]mudahkan pada pekerjaan agama dan lainnya daripada segala hukum yang *farḍu ‘ain*.

*Wa Allāh al-Muwaffaq li al-Sadād.*

**(Bāb Arkān al-Nikāh wa Shurūtuh)**

Ini suatu bab pada menyatakan rukun nikah dan syaratnya.

(Bermula) syarat bagi sah itu diketahuinya dengan segala syaratnya pada ketika ‘aqad seperti diketahui *kaifiat*<sup>290</sup> ‘aqad yang wajibnya dan syaratnya dan ketiadaan yang menegahkan sah nikah daripada perempuan itu bukan mahramnya dan susuannya dan jangan adalah *ihrām*<sup>291</sup> salah satu daripada [ke]dua laki isteri dan lainnya. Maka jika tiada ia ketahui, maka hendaklah belajar kepada orang yang mengetahui akan dia.

**(Adapun) rukun nikah itu lima perkara:** *Sighah*<sup>292</sup>, dua *syahid*<sup>293</sup>, *wali*<sup>294</sup>, suami [dan] isteri.

Maka (**rukun yang pertama**) itu *sighah* iaitu ijab daripada wali atau yang menikah wakil walinya dan *qabūl*<sup>295</sup> daripada suaminya atau wakilnya. Maka ijab itu bahawa berkata wali atau wakilnya : ( زَوْجِنِي ) ertinya “Aku kahwinkan akan dikau” atau

( نَكْحُنِي ) ertinya “Aku nikahkan akan dikau” dan qabul itu bahawa berkata suami

atau wakilnya: ( تَرْوِجْنِي ) atau ( نَكْحُتُهَا ) ertinya “Aku berkahwin akan dia” atau

<sup>290</sup> *Kaifiat*: yakni syarat dan tertib yang perlu dipenuhi untuk mengesahkan amalan.

<sup>291</sup> *Ihrām*: yakni keadaan seseorang yang telah berniat mengerjakan haji atau umrah (atau kedua-duanya sekali) yang pada ketika itu diharamkan baginya melakukan perbuatan tertentu seperti memakai pakaian berjahit dan bau-bauan, menutup kepada (bagi lelaki) dan menutup muka (bagi perempuan) dan setubuh. Lihat Abu Hasan Din al-Hafiz (2010), *op. cit.*, h. 749

<sup>292</sup> صيغة: (bagi, macam, asal, rupa, lafadz). Lihat *Qāmus al-Marbawi* (1990), *op.cit.*, h. 340.

<sup>293</sup> شاهد: saksi. *Ibid.*, h. 77

<sup>294</sup> ولی: wali, orang yang berkuasa. *Ibid*

<sup>295</sup> قبول: (keredaan, terima, ambil), *Ibid* h. 112

“Aku nikahkan dia” atau (قِيلْتُ تَزْوِيجَهَا ) atau ertinya “Aku terima nikahnya” atau “Aku terima kahwinnya” dan jika mendahului[kan] lafaz suami seperti berkata: “Aku berkahwin akan seanu” atau “Aku berkahwin akan dia” atau “Aku terima nikahnya”, maka kata wali: “Aku kahwin akan dikau akan dia” atau “Aku [me]nikahkan dikau akan dia”, nescaya sahlah [nikahnya].<sup>296</sup>

Dan tiada sah nikah itu melainkan dengan lafaz *tazwīj* atau lafaz *nikāh* ( tetapi) sah dengan bahasa *a'ajamiyah*<sup>297</sup> iaitu yang lain daripada bahasa Arab dengan diterjemahkan daripada dua lafaz iaitu dengan difaham[i] oleh tiap-tiap daripada wali dan suami dan *shāhidain* itu akan kehendaknya.

( Dan tiada ) sah nikah dengan lafaz *kināyah* seperti katanya: “[A]ku halalkan anakku bagimu”, dan jika berkata wali: “Aku kahwinkan akan dikau seanu” umpamanya, maka *sahut*<sup>298</sup>suaminya: “Aku terimalah”, tiada sah nikahnya kerana ketiadaan *sarīh*<sup>299</sup> pada qabulnya dan jika berkata suami bagi walinya: “Kahwinkan olehmu akan daku perempuan ini”, maka kata wali: “[A]ku kahwinkan dikau akan dia”, sah nikahnya.

(Demikian lagi) jika berkata wali: “ Berkahwin engkau akan dia”, maka sahut suami: “Aku berkahwin akan dia”, itupun sah nikahnya (Dan jika) berkata suami: “Adakah

### [ Halaman 9 ]

engkau kahawin akan daku se anu?”, maka sahut walinya: “[A]ku kahwinkan dikau akan dia”, tiada [sah nikahnya] kerana *istifhām*<sup>300</sup> yakni bertanya .

(Adapun) *sighah* ijab yang akmal itu jika walinya yang diijabkan dikatanya: “[A]ku kahwinkan anakku akan isterimu dengan isi kahwinnya tiga puluh riyal tunai”, (maka)

<sup>296</sup> Ramlī,(1984), *Nihāyah al-Muhtāj Ilā Syarh al-Muhtaj*, Beirut: Dār al-Fikr Li al-Ṭibā’ah., h. 210

<sup>297</sup> عجمية : (yang bukan /selain bangsa ‘Arab), Lihat *Qāmus al-Marbawī* (1990), *op.cit* , h. 8 dan Lihat Ibrāhīm Anīs et, al (t.t), *op.cit*, j.2, t.t.p, h.586

<sup>298</sup> (jawab)

<sup>299</sup> (terang, jelas)

<sup>300</sup> Yakni pengujian kefahaman. Lihat Kamus Dewan (2010), op. cit, h. 591. Maksudnya berbentuk persoalan atau pertanyaan.

jawab suaminya: “Aku terimalah kahwinnya akan si Fatimah akan isteriku dengan isi kahwin tiga puluh riyal”

(dan jika) berwakil wali itu, maka berkata wakil itu: “[A]ku kahwinkan akan dikau si Fatimah anak si anu yang ia berwakil wali akan daku isi kahwinnya dua *tahil* emas” (maka jawab) ia: “Aku perkenankan kahwin si Fatimah dengan isi kahwinnya dua tahil emas itu”,

(dan jika) berwakil suami itu pada qabulnya, maka hendaklah berkata wali: “[A]ku kahwinkan si Fatimah akan si Zaid yang berwakil akan daku dengan isi kahwinnya sekian-sekian”, (maka jawab) wakilnya: “Aku terimalah nikah si Fatimah isteri si anu yang berwakil akan daku”,

dan disyaratkan hendaklah ada *muwālāt*<sup>301</sup> antara ijab dan qabul dan tiada memberi cedera jika ada sedikit perceraian sekadar nafas atau kerana telan air liur dan batuk dan lainnya, (tetapi) jika ada panjang perceraian sekira-kira memberi tahu akan berpaling daripadanya (nikah), maka tiadalah sah (nikahnya) .

(Dan demikian lagi) jika diceraikan dengan perkataan yang lain yang tiada *ta'alluq*<sup>302</sup> dengan ‘aqad jikalau sedikit sekalipun, tiada sah (nikahnya), maka jika ada perkataan itu yang dituntut atau yang menghukumkan bagi ‘aqad seperti membaca khutbah dengan katanya:

الحمد لله والصلوة والسلام على رسول الله أو صيكم بتقوى الله  
ما دعكم نكاحها (قِلْتُ نِكَاحَهَا)، maka tiada memberi mudarat,

dan demikian lagi disyaratkan *muwāfaqat*<sup>303</sup> antara ijab dan qabul pada maknanya, maka tiada sah jika ada bersalahan keduanya seperti berkata wali: “[A]ku kahwinkan di kau si Fatimah”, maka jawab[nya]: “Aku perkenankan kahwin si Zainab”, tiada sah,

<sup>301</sup>: موالٰة : bermaksud berturut-turut.

<sup>302</sup>: تعلٰق : bermaksud berkaitan

<sup>303</sup>: موافقة : bermakna persepkatan atau persetujuan

(maka jika) berkata wali: “[A]ku kahwinkan dikau perempuan ini”, (maka jawabnya): “[A]ku perkenankan kahwinnya”, maka sah nikah kerana *muwāfaqat* pada makna.

(Dan demikian lagi) disyaratkan didengar akan lafaz ijab dan qabul itu dua saksi lagi difaham-faham daripada mereka itu akan perkataan *taulan*<sup>304</sup> nya dan mengetahui pula dua syāhid itu akan *lughah*<sup>305</sup> keduanya .

(Dan demikian lagi) disyaratkan pula hendaklah ada ia berkekalan ahli ijab dan qabul keduanya hingga selesai ‘aqad dan jika gila atau pitam salah seorang daripada keduanya pada pertengahannya, tiada sah ‘aqadnya .

(Dan demikian lagi) jika rujuk oleh perempuan yang memberi izin persuamikan dia pada pertengahan ‘aqad, maka tiada sah ‘aqadnya

(Dan sah) nikah itu dengan isyarat yang keluar ijabnya dan qabulnya dengan syarat bahawa mengetahui tiap-tiap orang yang melihat.

(Dan demikian lagi) disyaratkan hendaklah ada perempuan yang dikahwinkan itu yang *mu’ayyan*<sup>306</sup>, maka jika berkata wali: “[A]ku kahwinkan dikau salah seorang daripada anakku”, tiada sah .

( Demikian lagi) jika kata wali dan ada baginya beberapa anak perempuan: “[A]ku kahwinkan dikau anakku”, tiada sah jikalau ada anaknya itu sekaliannya ada suami melainkan satu yang belum ada suaminya sekalipun .

(Dan jikalau) berkata wali: “Ku kahwinkan dikau anakku”, pada hal tiada ada anaknya melainkan seorang juar, maka sah nikahnya

( dan jika) berkata ia[wali]: “[A]ku kahwinkan Fatimah”, dan tiada disebutnya anakku dan ada baginya satu anaknya namanya Fatimah, tiada sah nikahnya, kerana tiada tertentu sebab banyak yang bernama Fatimah pada negeri itu (tetapi) jika diniatkan keduanya akan anaknya sah

---

<sup>304</sup> Kawan, teman, sahabat, rakan dan handai”. Lihat Kamus Dewan,(2010), *op.cit*, h.1383.

<sup>305</sup> لغة : yakni bahasa

<sup>306</sup> معنی : yang ditentukan.

(Dan sah ) nikahnya pula dengan bersenda-senda keduanya seperti berkata wali yang *mujbir*<sup>307</sup> dengan bermain-main: “[A]ku kahwinkan dikau ini”, maka jawab pula dengan bersenda-senda: “Aku kahwinlah akan dia”, dengan syarat jika ada hadir dua saksi.

(Dan demikian lagi) disyaratkan sah nikah itu jangan ada *dita’liqkan*<sup>308</sup> dengan suatu maka jika berkata seorang: “Isterimu beranak”, maka sahutnya: “Jika ada ia perempuan sungguhnya aku kahwinkan dikau akan dia”, atau dikatanya: “Jika anakku sudah ditalak oleh suaminya dan lepas ‘iddahnya sanya ku kahwinkan dikau”, tiada sah nikahnya .

(Dan demikian lagi) disyaratkan jangan *muaqqat*<sup>309</sup> yakni

#### [ Halaman 10 ]

digantungkan dengan ketika seperti katanya: “[A]ku kahwinkan akan dikau anakku ini setahun”, atau “hingga mengetam” atau “manakala mengetam, [A]ku kahwinkan dikau anakku” .

(Dan demikian lagi) disyaratkan sah ‘aqad itu bahawa sunyikan daripada tiap-tiap syarat yang cedera bagi maksudnya, (maka jika) berkata ia [wali]: “Ku kahwin dikau anakku dengan syarat engkau talak akan dia” atau “jangan engkau *waṭī*<sup>310</sup>akan dia”, maka tiada sah ‘aqadnya.

(dan) jika disyaratkan *khiyār*<sup>311</sup>pada nikah, batal ‘aqadnya seperti dikatanya: “[A]ku kahwinkan akan dikau anakku ini bagiku *khiyār* tiga hari” atau dikatanya: “[A]ku terimalah nikahnya bagiku *khiyār* tiga hari”, batal ‘aqadnya.

(dan jika) disyaratkan *khiyār* pada isi kahwin, maka sah nikahnya, batal pada isi kahwin juu

<sup>307</sup> مُجْبِرٌ :Wali yang berkuasa menikahkan wanita di bawah kewalian tanpa memerlukan keizinan wanita: Lihat Hj Mohd Shukeri B. Muhammad : *Perkahwinan Beberapa Persoalan Berbangkit Mengenainya*, h. 6.

<sup>308</sup> (digantung, diikatkan)

<sup>309</sup> مُؤْقَتٌ : Bersifat sementara . *Ibid* h. 3

<sup>310</sup> Yakni Menyetubuh . Lihat Abd. Rauf Dato’ Haji Hassan et. al (2005), *Kamus Bahasa Melayu-Bahasa Arab*, Shah Alam: Oxford Fajar, h.387

<sup>311</sup> Yakni pilihan

(dan jika) disyaratkan bahawa jangan berkahwin atasnya atau jangan dinafkahkan atasnya atau jangan bergundik atasnya, sah nikahnya dan binasa syaratnya dan binasa pula isi kahwinnya yang *musammā* dan wajib mahar *mithil*.

(dan jika) berkata perempuan bagi walinya: “Kahwinkan olehmu akan daku dengan seribu dirham”, maka kahwinnya dengan kurang daripada seribu, [maka] sah nikahnya dengan mahar *mithil*

(dan) tiada disyaratkan sah nikahnya itu menyebutkan isi kahwin, maka jika tiada disebutnya dengan sesuatu yang *majhūl*<sup>312</sup>, [maka] sah nikahnya dan wajib [bayar] mahar *mithil*.

(Dan demikian lagi) disyaratkan bagi sah nikah itu bahawa disandarkan oleh *muta'āqidān*<sup>313</sup> itu kepada suaminya itu bagi seorang, maka berkata wali itu baginya: “[A]ku kahwinkan anakku si Fatimah akan sianu yang berwakilan dikau”, (maka jawab) wakil itu: “[A]ku terimalah nikahnya itu baginya”, (dan jika) ada yang menerima itu wakil kanak-kanak atau wali yang gila, maka hukumnya seperti wakil dahulu ju dikata oleh wali perempuan itu: “[A]ku kahwinkan si Fatimah daripada anak mu si anu”, (maka jawabnya): “[A]ku terimalah nikahnya itu baginya”.

(Dan jika) berwakil wali perempuan itu bagi seorang, maka berkata ia: “[A]ku kahwinkan dikau si anu anak si anu”, (maka jawabnya): “[A]ku terimalah nikahnya” dan tiada disyaratkan menyebut ia wakil melainkan jika diketahui oleh dua syāhid dan suami.

*Wa Allāh al-Muwaffiq bi al-Sawāb*

<sup>312</sup> غير معلوم : مجهول maknanya yang tidak diketahui. Lihat Abd. Rauf Dato' Haji Hassan et. al (2005), *Kamus Bahasa Melayu-Bahasa Arab*, op.cit h. 82. *al-Mawrid*(1996): *A Modern Arabic – English Dictionary*, c. 8, Beirut, Lebanon: Dār al-'Ilm Li al-Malāyīn, h.982

<sup>313</sup> متعاقدان (dua orang yang ber'aqad atau melukan perjanjian). *Ibid.*, h. 960

**Bermula (rukun yang keduanya)** itu dua *syāhid*.

Adapun dua syahid itu rukun [yang kedua] yakni tiada sah nikahnya melainkan dengan hadir keduanya (kerana) sabda Nabi s. a. w :

٣١٤ ( لَأْنَكَاحَ إِلَّا بُوكَيٌّ وَشَاهِدَيْ عَدْلٍ وَمَا كَانَ مِنْ نِكَاحٍ عَلَى غَيْرِ ذَلِكَ فَهُوَ باطِلٌ )

“Tiada sah nikah itu melainkan dengan wali dan dua saksi yang adil keduanya dan barang yang ada nikah atas lain daripada demikian itu maka iaitu batal.”

(Maka disyaratkan) padanya itu, bahawa ada keduanya[saksi] ‘aqil, lagi baligh , laki-laki *merdeka* , lagi Islam, lagi ‘adil, lagi *rāsyid* yakni cerdik, maka tiada sah keduanya itu daripada kanak-kanak, orang gila, dan perempuan, dan sahaya, dan yang fasiq, dan *mahjūr*<sup>315</sup>atasnya dengan sebab *mubazzir*.<sup>316</sup>

(Demikian lagi) tiada sah keduanya itu daripada *khunsa*<sup>317</sup>bahkan jika di’aqad akan nikah dua saksi *khunsa* , kemudian maka nyata laki-laki kedua, maka sah nikahnya.

(Dan demikian lagi) jikalau umumlah pada suatu negeri itu fasiqnya, sekira-kira tiada dapat sekali-kali yang adil, (kata *qīl*) sahlah nikahnya dengan dua saksi fasiq, demikian dihikayatkan oleh Ibn ‘Imād *menaqal*<sup>318</sup>ia daripada setengah fuqaha’. Kata Syeikh ibn Hajar dalam *Tuhfahnya*<sup>319</sup>:

﴿ حُكِيَ قَوْلُ لِلشَّافِعِيِّ لِأَنَّهُ يَعْقِدُ بِشَهَادَةِ فَاسِقَيْنِ لِأَنَّ الْفِسْقَ إِذَا عَمَّ فِي نَاجِيَةٍ وَامْتَعَ النِّكَاحَ أَنْقَطَعَ النَّسْلُ الْمَقْصُودُ بِقَوْهٖ ﴾

Dihikayatkan ulama satu *qawl*<sup>320</sup> bagi Imām Syāfi’ī<sup>321</sup> ( r. a ) bahwasanya jadi ‘aqad nikah itu dengan saksi dua orang fasiq kerana bahwasanya fasiq itu apabila umum pada suatu negeri dan tertegah nikah nescaya putus anak yang dimaksudkan berkekalananya.

<sup>314</sup> Hadīth riwayat Ibn Hibbān no. ḥadīth 1247 dan riwayat Abū Dawūd no. ḥadīth 2085 dan al-Tirmidhī no. ḥadīth 1101 daripada Abī Musā al-Asy’arī. Lihat Muṣṭafa Dib al-Bughā(1986), *op. cit.*, h.162

<sup>315</sup> مَحْجُور : maksudnya dihalang. Lihat *Qāmus al-Marbawī* (1990), *op.cit.*, h. 78

<sup>316</sup> مَبْنَى : Orang yang membazir, tidak cermat. Dalam *al-Tanzīl* . Lihat Ibrāhīm Anīs et, al (t.t), *op.cit.*, j.1, t.t.p., h.45

<sup>317</sup> خَلْقٌ : Dari segi bahasa khunsa berasal daripada perkataan *khanitha* yang bermaksud lemah dan lembut. Maka dikatakan, *khanitha al-rajulu kalamahu* bermaksud lelaki yang cara pertuturnya seperti perempuan, iaitu lembut dan halus. Al-Fayyumi (1987), *al-Miṣbāh al-Munīr*, j. 1, h.112. al-Khunsa secara istilah pula ialah seseorang yang mempunyai dua alat kelamin; kelamin lelaki dan perempuan atau orang yang tidak mempunyai salah satu daripada dua alat sulit tersebut, tetapi ada lubang untuk keluar air kencing. Al-Mawardī, *al-Hawl al-Kabīr*, j. 8,h.168. Wahbah al-Zuhailī , *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*, j.8, h 426.

<sup>318</sup> Mengambil riwayat ia daripada fulan. Lihat *Qāmus al-Marbawī* (1990), *op.cit.*,h.342

<sup>319</sup> Lihat Syeikh Ibn Hajar al-Haitamī (t.t), *op. cit.*, h.354

<sup>320</sup> Bererti “perkataan, percakapan”. Maksudnya di sini ialah pendapat . Lihat *Qāmus al-Marbawī* (1990), *op.cit.*, h.163.

<sup>321</sup> Beliau ialah Muhammad bin Idrīs bin Uthmān al-‘Abbās bin Uthmān Syāfi’ī bin al-Sa’ib. Keturunan Quraisy dan ada hubungan dengan Rasulullah (S.A.W). Dilahirkan di Ghazzah, Palestin pada tahun 150H/767M. Meninggal dunia di Mesir pada tahun 204H/821M ketika berusia 54 tahun. Digelar al- Syāfi’ī sempena nama moyangnya iaitu Syāfi’ī bin al-Saib. Antara kitabnya yang masyhur ialah *al-Umm*, *al-Risālah*, *al-Musnād*, *al-Jāmi’ al-Kabīr* dan lain-lain

(Maka adalah) orang fasiq itu iaitu mereka yang mengerjakan dosa yang besar atau mengekalkan dosa kecil seperti lagi akan datang kenyataannya pada bicara wali di sana insyā Allāh Ta’ālā.

Maka jika taubat ia daripada fasiqnya itu, maka tiada sah dijadikan dua saksi hingga [ber]lalu setahun dahulu dinamakan adil.

Dan adil disyaratkan pada saksi bersalah [dengan] wali, maka syaratnya<sup>322</sup> ketiadaan fasiq, manakala taubat maka sahlah dijadikan wali pada waktu itu, fahamkan olehmu *firq*<sup>323</sup> antara dua masalah ini.

(Dan demikian lagi) disyaratkan dua saksi itu manusia, maka tiada sah daripada dua jin jikalau adil keduanya sekalipun.

(Demikian lagi) disyaratkan adalah keduanya<sup>324</sup> itu mendengar jikalau dikeraskan<sup>325</sup> suara sekalipun, maka tiada sah yang tuli yang tiada mendengar sekali-kali, lagi ada keduanya melihat, maka tiada sah daripada yang buta dan daripada mereka yang melihat tetapi tiada diketahui akan rupa melainkan apabila didekatkan daripadanya maka kenal nya, maka sah ia jadi saksi, lagi ada keduanya yang bertutur, maka tiada sah daripada yang kelu dan jika faham isyaratnya sekalipun,

### [ Halaman 11 ]

lagi mengetahui akan bahasa *ijāb* dan *qabūl* itu, (maka tiada sah) daripada yang tiada mengetahui bahasanya dan jika ia ingat perkataannya tetapi tiada diketahui kehendak sekalipun, lagi mengetahui keduanya wakil jika yang mengakadkan itu wakil wali atau wakil suami, maka tiada sah jika tiada diketahui akan wakilnya seperti berkata seseorang: “Ku kahwinkan dikau si Fatimah”, tiada disebutnya anak si anu, maka menyangka dua saksi akan anaknya, demikianlah kata setengah ulama

---

<sup>322</sup> Yakni wali

<sup>323</sup> Perbezaan. Lihat *Qāmus al-Marbawī* (1990), *op.cit*, h. 34

<sup>324</sup> Yakni kedua saksi

<sup>325</sup> (ditinggikan)

(tetapi) yang *muktamad* tiada disyaratkan mengetahui dua saksi itu akan wakilnya dan lagi disyaratkan keduanya itu jangan ada *mughaffal*<sup>326</sup> yakni banyak [lalai atau lupa] iaitu mereka yang tiada dapat menghingga<sup>327</sup> suatu pekerjaan dan tiada dapat me[ng]hafazkan dia, bersalahannya jika ia hafaz kemudian maka lupa dengan hampir masa sekalipun.

(Dan lagi) disyaratkan pula ada keduanya [saksi] itu jangan ada pencarian<sup>328</sup> yang keji yang tiada patut dengan keduanya, maka yang demikian itu bersalahannya dengan sebab bersalahannya pangkat manusia

(Dan sah) ‘aqad nikah itu dengan mereka yang hafaż pada ketika akad, kemudian maka ia lupa jika hampir masa sekalipun,

(Dan demikian lagi) dengan orang yang muhrim<sup>329</sup> dengan haji dan umrah, [maka] sahlah dijadikan dua saksi (tetapi) yang *awlā*<sup>330</sup> jangan dijadikan keduanya.<sup>331</sup>

(Dan demikian lagi) sah dijadikan dua saksi itu dengan orang yang *mastūr*<sup>332</sup> adilnya dan tiada wajib dibicarakan adil pada batinnya dan dikehendaki dengan *mastūr* itu iaitu mereka yang diketahui akan dia adil pada zahirnya dengan bercampur tiada disucikan dia pada hakim.

(Kata) Ibn Hajar di dalam *Tuhfah*<sup>333</sup>: Tiada dihubungkan *mastūr* adilnya itu apabila taubat orang yang fasiq pada ketika akad (tetapi) tiada sah dua saksi itu dengan dua saksi yang tersembunyi Islamnya dan merdekannya seperti bahawa adalah pada suatu tempat itu bercampur orang Islam dengan orang kafir dan orang merdeka dan sahaya dan tiada ghalib bahkan jika di’aqadkan dengan dua orang yang tersebut itu, kemudian

<sup>326</sup> مغفل : bererti tolol, dengu. Maksudnya orang yang lalai. Lihat *Qāmus al-Marbawī* (1990), *op.cit.*, h.65

<sup>327</sup> Yakni menetapkan batasnya (jumlah dll), membatasi, mengehadkan. Lihat *Kamus Dewan* (2010), *op.cit.*, h. 538

<sup>328</sup> Yakni pekerjaannya

<sup>329</sup> Orang yang dalam ihram semasa ibadah haji atau umrah. *Ibid.*, h.1049

<sup>330</sup> Yakni lebih elok atau lebih baik

<sup>331</sup> Sabda Rasulullah S.A.W :

( لا ينكح المُحْرِمُ وَلَا يُنْكح )

Maksudnya: *Orang yang berada dalam ihram tidak boleh berkahwin dan tidak boleh mengahwinkan.*

Mengikut apa yang diriwayatkan oleh Muslim orang yang berihram tidak dibenarkan melakukan pinangan sama ada untuk dirinya ataupun orang lain. Lihat Al-Zuhaylī (1989), *al-Fiqh al-Islāmī wa Adilatuhu*, Damsyiq: Dār al-Fikr, h. 65

<sup>332</sup> Yakni tersembunyi atau tak pasti

<sup>333</sup> Syeikh Ibn Hajar al-Haytamī (t.t), *op. cit.*, h. 275

nyata Islam keduanya dan merdeka keduanya, maka sah seperti dua *khunsa* , kemudian nyata laki-laki keduanya seperti yang telah tersebut.

(Dan) memada[i]lah dengan katanya dua saksi itu: “Kami kedua ini Islam”,<sup>334</sup> dan tiada memadai jika berkata kedua: “Kami merdeka” dan jikalau menghabarkan oleh satu orang adil dengan fasiq dua saksi yang *mastūr* itu, maka batal nikahnya sebab hilang *mastūrnya* itu, bersalah jika menghabar satu [orang] adil akan fasiq saksi yang zahirnya [ke]pada hakim, maka tiada diterimakan [per]kata[an]nya melainkan dua orang yang adil diqabulkan katanya dan memadalah fasiq dan adil itu dengan masyhur.

(Dan jikalau) nyata kemudian daripada ‘aqad keadaan saksi itu fasiq atau sahaya atau kafir atau lainnya, tiada sah nikahnya dan hanya kenyataan yang demikian itu dengan saksi atau dengan *iqrār*<sup>335</sup> dua laki isteri atau diketahui oleh hakim (tetapi) tiada memberi bekas dengan kata keduanya adalah kedua kami tetakala akad itu fasiq (maka jika) mengiqrar oleh suami akan fasiq saksi dan ingkar isterinya diceraikan antara keduanya dan diberikan setengah mahar *musammā* jika belum lagi *dukhūl*<sup>336</sup> dan sekeliannya(mahar) jika sudah *dukhūl* .

(Dan tiada) disyaratkan pula dua saksi dihadirkan keduanya lagi diserukan, maka memada[i]lah dengan hadir keduanya sendiri dan mendengar akan *ijāb* dan *qabūl*, maka sahlah akadnya itu

(Dan) demikian lagi, tiada disyaratkan menghabarkan dia akan jadi saksi

(Dan) demikian lagi, tiada disyaratkan mendengar sebut isi kahwin kerana tiada jadi syarat sah nikah dengan sebut isi kahwin seperti mendengar keduanya akan khutbah jua.

---

<sup>334</sup> (Katanya: Dan tiada memada[i] jika berkata kedua: “ Kami merdeka” ) kerana merdeka itu tiada dapat sahaya itu [me]merdekakan dirinya dengan sendirinya bersalah Islam, maka dapat ia Islam dengan sendirinya. *Musykāt al-Miṣbāh* . Pengarang.

<sup>335</sup> Yakni pengakuan

<sup>336</sup> Yakni setubuh atau jimat

(Dan) demikian lagi, sah dua saksi itu daripada dua anak laki isteri atau keduanya anak suaminya atau keduanya anak isterinya dan dengan dua seteru keduanya atau seteru salah seorang daripada dua laki isteri dan dengan nenek keduanya dan dengan nenek dan bapa suami

(tetapi) tiada sah dengan bapa keduanya kerana bapa isteri itu wali, maka tiada sah dijadikan saksi bahkan jika ada perempuan itu lagi sahaya dan bapanya sudah merdeka, maka sahlah dengan saksi bapa keduanya dan tuannya jadi wali .

(Dan sayugia<sup>337</sup>nya) jangan diakad nikah itu dengan dua saksi yang wajib [ke]atas keduanya haji atau umrah dan belum lagi ditunaikan keduanya barangkali mati ia sebelum ia datang mengerjakan keduanya, maka membawa kepada membatalkan akad nikah.

(Bermula) menanggung *syahādah* itu *fardu kifāyah*<sup>338</sup> bagi sekalian orang yang adil, maka jika tertegah berdosa sekaliannya dan wajib atas mereka yang dituntut akan dia menanggung saksi memperkenankan jikalau ada yang lainnya sekalipun melainkan ada baginya uzur seperti atau terpenjara atau lainnya .

وَاللَّهُ الْمُوْفِقُ بِالصَّوَابِ وَإِلَيْهِ الْمَرْجُعُ وَالْمَأْبُ

**(Adapun rukun yang ketiga)** itu wali, maka tiada sah nikah melainkan(nya), maka tiada sah nikah perempuan itu akan dirinya kerana perempuan yang zina itu ia menikah dirinya. Firman Allāh *Ta’ālā*:

۲۳۹..... فَلَا تَعْصُلُوهُنَّ أَن يَنْكِحُنَّ أَزْوَاجَهُنَّ.....

“Maka jangan kamu enggarkan wahai segala wali akan perempuan yang hendak berkahwin akan suaminya”

<sup>337</sup> (sebaik-baiknya)

<sup>338</sup> Tuntutan melakukan sesuatu perkara yang dikenakan ke atas kumpulan orang dan tuntutan itu akan gugur jika salah seorang melakukannya. Lihat Al-Syiekh Muhammad bin Abdullah al-Banjari (2010) : *Sabil al-Muhtadin li al-Tafiqquh Fi Amr al-Din*, Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn Bhd, h.252

<sup>339</sup> Surah al-Baqarah (1): 232

maka jikalau dapat ia berkahwin akan dirinya, maka tiada ada faedah enggan wali itu dan lagi sabda Nabi ( S.A.W) :

( لَا نِكَاحٌ إِلَّا بُوْلَيٌّ وَشَاهِدَيْ عَدْلٍ )  
“Tiada nikah itu melainkan dengan wali dan dua saksi yang adil”

dan lagi sabda Nabi (S.A.W) :

( لَا تُنْزَوْجُ الْمَرْأَةُ الْمَرْأَةَ وَلَا الْمَرْأَةُ نَفْسَهَا )  
“Tiada berkahwin perempuan akan perempuan dan tiada perempuan akan dirinya”.

Maka jika berkahwin perempuan itu akan dirinya tiada sah, maka jika diwatiñya pada nikah dengan ketiadaan wali nescaya wajib mahar *mithil* tiada *musammā* dan tiada wajib had atasnya

(tetapi) dita ’zirkan bagi mereka bagi yang meng ‘*iktiqad*kan haramnya dan diterima *iqrār*<sup>340</sup> wali dengan nikah akan maulainya jika dapat ia *istiqlāl* nikah dengan digagahi seperti bapa atau neneknya jika anaknya *bikr* seperti dikatanya anakku ini isteri seanu dan jika tiada benar oleh anaknya yang baligh diiqrarkan nikahnya sekalipun, dan jika tiada dapat *istiqlāl* nescaya tiada sah *iqrarnya*.

(Dan demikian lagi) diterima iqrar perempuan yang aqil baligh dengan nikah jikalau bukan dengan kufunya apabila dibenarkan oleh laki-laki yang diiqrarkan itu dan jika tiada mendustakan dia oleh walinya dan syuhudnya sekalipun dengan syarat dinyatakan pada dakwanya nikah itu dengan menikahkan oleh walinya dan hadir dua saksi yang adil lagi dengan redhanya .

<sup>340</sup> Hadīth diriwayat oleh ‘Aisyah. Lihat Ibn al-Daqīq al-‘Abd, no. hadīth 2/628, al-Ilmām bi Ahadith al-Ahkām.

<sup>341</sup> Hadīth riwayat al-Dāruquṭnī daripada Abī Hurairah (r. a) 227. Lihat Muṣṭafa Dib al-Bughā (1986), op.cit, h.162

<sup>342</sup> (pengakuan)

(Bermula) yang terlebih hampir daripada segala *auliya'*<sup>343</sup> pada nikah itu bapanya kemudian maka neneknya kemudian maka saudaranya yang seibu sebapa kemudian, saudaranya yang sebapa kemudian, maka anak saudaranya seibu sebapa, kemudian maka anak saudara sebapa hingga kebawah kemudian, maka mama<sup>344</sup>nya saudara seibu sebapa dengan bapanya kemudian, maka mama'nya yang sebapa dengan bapanya kemudian maka anak mama'nya<sup>345</sup> yang seibu sebapa dengan bapanya kemudian, anak mama' yang sebapa dengan bapanya hingga ke bawah kemudian, maka mama' bapanya seibu sebapa dengan bapanya kemudian, mama' bapanya yang sebapa dengan dia kemudian, maka segala '*asābahnya* seperti tertib pada pesaka.

(Maka) yang jauh daripada pihak yang dahulu itu didahulukan jadi wali atas pihak yang hampir yang lain seperti anak saudaranya jika terbawah sekalipun didahulukan atas mama'nya, dan jika ada ia hampir sekalipun, dan jika ada ia bersamaan pihaknya (tetapi) tiada hampirnya, maka didahulukan yang hampirnya seperti anak saudara yang sebapa didahulukan daripada anak bagi anak saudara yang seibu sebapa dengan dia, dan jika adalah bersamaan dua wali pada darjatnya (tetapi) adalah salah seorang daripada keduanya yang merdekakan dia atau saudaranya yang seibu dengan dia, maka didahulukan dia jadi walinya .

(Dan tiada) sah anak itu akan wali ibunya pihak anaknya melainkan jika ada anaknya itu anak mama'nya<sup>346</sup> seperti ia bersuami dengan anak mama'nya, maka dapat satu anak laki-laki dengan dia kemudian maka mati anaknya mama'nya, maka anaknya itu dinamakan anak bagi mama'nya pula maka sah anak jadi wali bagi ibu .

---

<sup>343</sup> (wali-wali)

<sup>344</sup> Bapa saudara. Lihat Marsden (1812), *op.cit.*, h. 318

<sup>345</sup> Sepupu. *Ibid.*, h. 318

<sup>346</sup> Yakni sepupunya

(Dan demikian lagi) jika ada anaknya itu memerdekan ibunya, atau anaknya itu ‘aṣābah yang memerdekan ibunya, maka sah ia jadi wali ibunya pada kedua[-dua] sūrah<sup>347</sup> itu.

(Dan demikian lagi) jika ada anaknya itu saudara seapa dengan dia, maka sūrah masalah ini waṭī syubhah<sup>348</sup> atau kafir majusi yang mengharuskan berkahwin dengan anaknya seperti waṭī bapanya akan anaknya dengan sangkanya akan isterinya, maka beranak ia akan dia, maka adalah anaknya itu dinamakan saudara seapa dengan dia pula. (Demikian lagi) pada kafir majusi itu, maka adalah pada masalah ini dapat anak itu akan jadi wali bagi ibunya, (tetapi) bukan jalan anaknya

(Dan demikian lagi) jika anaknya itu Qādī atau hakim atau orang memerintahkan pada suatu tempat itu, maka tiada bagi ibunya itu wali yang ‘aṣābah dan tiada mu’tiqnya<sup>349</sup> maka ialah [yang] jadi wali bagi ibunya

(maka) tiada ada wali ‘aṣābah segala yang tersebut itu, maka ada baginya yang memerdekan dia, maka yang memerdekan dia itulah [jadi] walinya

(kemudian) maka segala ‘aṣābah yang

### [ Halaman 13 ]

memerdekan dia, maka didahulukan anaknya, kemudian maka cucunya jika terbawah sekalipun, kemudian maka bapanya, kemudian maka saudaranya yang seibu seapa, kemudian maka saudara sebapanya, kemudian maka anak saudara yang seibu seapa sebapanya, kemudian maka anak saudaranya yang seapa, kemudian nenek bapanya bagi bapanya, kemudian maka mama’nya yang seibu seapa dengan bapanya, kemudian maka mama’nya yang seapa dengan bapanya, kemudian maka anak mama’nya yang

<sup>347</sup> Rupa, bentuk, keadaan. Lihat al-Mawrid(1996), op. cit, h. 703

<sup>348</sup> Bermakna “bercampur aduk antara yang benar dan yang salah serta tidak boleh dibezakan dan tidak nyata.” Berasal dari kata kerja “aṣyabaḥ, yuṣyibū, syubhah.” Lihat al-Fayyūmī (1987) op.cit j.1.,h. 304; “Kesamaran (kerana tidak jelas hukumnya antara halal dan haram ). Lihat Kamus Dewan (2010), op.cit, h. 1334.

<sup>349</sup> Orang yang memerdekaannya. Ibid., h. 78

seibu sebapa dengan dengan bapanya, kemudian maka anak mama'nya yang sebapa dengan bapanya seperti dahulu jua, kemudian segala '*asābahnya* seperti pada pesaka<sup>350</sup> melainkan didahulukan saudara dan anaknya atasnya neneknya dan mama'nya dan anak mama'nya didahulukan atas bapa neneknya.

( **MASAELAH** )<sup>351</sup>

Jika berkahwin sahaya laki-laki akan perempuan yang merdekakan seorang, maka beranak, maka adalah yang mengkahwinkan anak itu [ialah] tuan ibunya, maka jika dimerdekakan bapanya, maka bapanya [yang] jadi wali nikahnya dan jika mati bapanya dan tiada lagi wali '*asābah* nya, maka yang merdekakan bapanya jadi wali, tiada yang memerdeka ibunya kerana berpindah sebab merdeka bapanya kepada yang memerdekaan dia

(Dan jika) mati bapanya sahaya dan dimerdehka neneknya<sup>352</sup> itupun berpindah walinya kepada yang dimerdekakan neneknya tiada dapat yang memerdekaan ibunya itu jadi wali dan jika merdekakan bapanya kemudian daripada dimerdekakan neneknya, maka berpindah wali itu daripada yang memerdekaan neneknya kepada yang memerdeka bapanya.

( **MASAELAH** )<sup>353</sup>

Jika berkahwin seorang hamba yang sudah dimerdekakan orang akan seorang perempuan yang dimerdehkan asal, maka beranak ia, maka adalah wali anak itu kepada yang *merdehka* bapanya tiada kepada hakim.

(Dan) yang menikahkan pemerdehkaan perempuan itu mereka yang menikahkan perempuan itu masa hidupnya dan lagi tiada disyaratkan pula izinnya bahkan jika ada

---

<sup>350</sup> (pembahagian harta pusaka)

<sup>351</sup> (masalah)

<sup>352</sup> (datuk)

<sup>353</sup> (masalah)

sahayanya itu belum dimerdehkakan<sup>354</sup> [maka] disyaratkan sah nikahnya itu dengan izinnya jika ia baligh, lagi ‘aqil<sup>355</sup> dengan *kayanya* (yakni) disyaratkan izin tuannya, lagi *sarīh* lafaz jika ia *bikr* sekalipun, tiada dengan diamnya jika ada tuannya itu ‘aqil baligh, maka jika ada tuannya itu belum baligh lagi<sup>356</sup> *thayyib* (maka) tiada sah bapanya itu mengkahwinkan sahayanya. (Maka apabila)mati tuannya yang memerdekaan dia itu, maka yang mengkahwinkan pemerdekaannya segala walinya iaitu anaknya, kemudian cucunya, kemudian maka terbawah sekalipun, kemudian maka bapanya, kemudian maka saudaranya, kemudian maka anak saudaranya, kemudian maka neneknya, seperti yang terdahulu sebutnya. Maka jika tiada yang memerdekaan dia dan ‘asābahnya pun tiada, maka mengkahwinkan dia itu sultan atau naib sultan.

(Dan tiada) harus [bagi] wali *ab’ad*<sup>357</sup> itu mengkahwinkan serta ada wali *aqrab*<sup>358</sup> daripadanya, maka tiada harus nenek<sup>359</sup> mengkahwinkan cucunya jika ada lagi bapanya, dan [begitu juga] saudara serta ada neneknya dan anak saudara serta ada saudara demikianlah, maka nenek itu *aqrab* namanya jika tiada bapanya.

(Dan demikian lagi) saudara itu [dikira] *aqrab* jika tiada nenek, dan anak saudara itu [dikira] *aqrab* jika tiada saudara demikianlah hingga akhirnya, (maka) disyaratkan mereka sah jadi wali itu<sup>360</sup> beberapa syarat [iaitu] ada ia Islam, lagi laki-laki, yang ‘aqil, baligh. Maka tiada sah jadi wali daripada orang kafir dan perempuan dan kanak-kanak dan jika *mumayyidh*<sup>361</sup> sekalipun, dan yang gila bahkan melainkan sedikit gilanya

<sup>354</sup> Yakni merdeka

<sup>355</sup> Bermakna “orang yang berakal dan boleh memahami arahan.” Berasal dari kata kerja “*aqila ,ya ’gilu ,’aql fa huwa ‘aqil .*” Lihat al-Fayyumi (1987), *op.cit*, j.2., h. 423. Lihat Ibrahim Anis et, al (t.t), *op.cit*, j.1, h.623

<sup>356</sup> Katanya *thayyib* ertiinya yang di *wati* pada qubulnya jika lau dengan zina atau ia tidur atau digagahi dan jika lau daripada zakar binatang sekalipun dinamakan *thayyib* juga. Selesai . al-Syeikh Mahmūd al-Zuhdī.

<sup>357</sup> Wali yang jauh sedikit mengikut susunan yang layak menjadi wali, jika ketiadaan wali *aqrab* berkenaan. Wali *ab’ad* ini akan berpindah kepada wali *ab’ad* lain eterusnya mengikut susunan jika tiada yang terdekat lagi.

<sup>358</sup> Orang yang layak menjadi wali yang sangat rapat hubungannya dengan pengantin perempuan (iaitu ayah, abang yang sulung atau ayah saudara). Lihat *Kamus Dewan* (2010), *op. cit*, h. 1797

<sup>359</sup> (datuk)

<sup>360</sup> (Katanya beberapa syarat) dan iaitu delapan syarat seperti barang yang lagi akan datang sebut.

<sup>361</sup> Bermakna “kanak-kanak yang boleh memahami dan membezakan sesuatu”. Berasal dari kata kerja “*māyyaza,yumāyyizu,tāmyīz fa huwa māyyāyz*”. Lihat Louis Ma’luf (1960), *al-Munjid*. Beirut: Maṭba’ah al-Kathulukiyyah, h. 781. Bermula dari kanak-

seperti sehari pada setahun, maka tiada berpindah walinya kepada [wali] *ab'ad*<sup>362</sup> , maka wajib dinanti akan suaminya kerana sedikit masanya, lagi [disyaratkan] merdeka, maka tiada sah wali itu sahaya dan jika [hamba]*muba'ad*<sup>363</sup> atau [hamba]*mudabbar*<sup>364</sup> atau [hamba]*mukātab*<sup>365</sup> sekalipun, lagi disyaratkan jangan ada ia cedera tiliknya dengan sebab tua atau dengan hilang bicaranya, dan lagi disyaratkan adalah wali itu jangan ada ia *mahjūr 'alaīh*<sup>366</sup> dengan *safīh* iaitu yang membazir dibuang[k]an [h]artanya kepada yang haram, dan lagi disyaratkan bahawa ada ia wali itu 'adil yakni ketiadaan fasiq dan jika tiada 'adil sekalipun, kerana sabda Nabi (S.A.W) :

( لَا نكاح إِلَّا بُولِي مَرْشِدٍ وَشَاهِدَيْ عَدْلٍ - رواه الشافعي )<sup>367</sup>

*Tiada sah nikah itu melainkan dengan wali yang mursyid dan dua saksi yang 'adil –Riwayat Imām Syāfi'i r.a*

Maka tiada sah nikah

#### [ Halaman 14 ]

jika ada wali itu fasiq.

Inilah atas *qaul* masyhūr daripada mazhab Imām Syāfi'i r.a *muwāfaqat*<sup>368</sup> antara Imām Nawawi<sup>369</sup> dan Syeikh al-Islām dan Syeikh ibn Ḥajar dan Syeikh Ramlī dan Khatīb Syarbīnī<sup>370</sup> dan lainnya yang difatwakan tiada sah nikah wali yang fasiq (tetapi) yang

kanak berumur tujuh tahun atau boleh jadi sebelum itu atau selepas tujuh tahun. Dikategorikan sebagai *mumayyiz* sehingga mencapai umur baligh. Sebarang bentuk ibadat tidak diwajibkan ke atasnya tetapi sah sekiranya dilakukan mengikut syarat-syarat dan rukun-rukunnya. Lihat 'Abbās Mutawalli Ḥammadah (1968), *op.cit*, h.370.

<sup>362</sup> (Katanya maka wajib dinanti akan suaminya) dan disyaratkan pula kemudian daripada suaminya itu jernih daripada bekas gilanya sekira-kira tiada bersalahan tatkala bersunyi ia seorang dirinya daripada halnya itu.

<sup>363</sup> مبعض : hamba yang telah dimerdekaan sebahagiannya. Lihat Al-Syeikh Muhammad bin Abdullah al-Banjari (2010) , h.252

<sup>364</sup> مدين : hamba yang telah dijanjikan kemerdekaannya oleh tuannya sebaik saja dia meninggal dunia. Lihat Maḥmūd Abd al-Rahmān Abd al-Mun'in, (1999), *op.cit* , h.244

<sup>365</sup> مكثب : hamba yang telah mengikat janji dengan tuannya untuk dia membayar jumlah tertentu supaya ia dimerdekaan. *Ibid*

366

<sup>367</sup> Al-Syāfi'i (t.t), *al-Umm* , Beirut, Lebanon: Dār al-Ma'rifah, j. 5, h. 22

<sup>368</sup> موافقه : kata masdar dari وافق وافق، kata dasarnya وافق وافق، sesuai, bersepakat atau bersetuju. Lihat *Kamus al-Marbawī* (1990), *op.cit*. h. 56

<sup>369</sup> Namanya ialah Mahyu al-Din Abu Zakariyya' Yahyā bin Syaraf bin Ḥasan bin Husain bin Jum'ah bin Hazām al-Hazimī al-Nawawi. Dilahirkan di Nawa sebuah kampung di daerah Damshiq (Damascus) yang sekarang merupakan ibukota Syria pada bulan Muharram tahun 631 Hijrah. Kebolehan menghafaz Al-Quran sejak kecil lagi. Beliau dididik oleh ayah beliau yang terkenal dengan kesalihan dan ketakwaan. Pada tahun 649 Hijrah, ketika berusia lingkungan sembilan belas tahun telah pergi ke kota Damshiq untuk belajar. Mendalami ilmu di Madrasah al-Ruwāhiyyah atas tanggungan madrasah itu sendiri. Antara kitab-kitab Imam Nawawi yang terkenal *Syarḥ Ṣahīh Muslim*, *Riyāḍ al-Ṣāliḥin*, *Al-Adhkār*, *Al-Tibyān fī Adab Ḥamalah al-Qur'ān*, *al-Irsyād wa al-Taqrīb fi 'Ulūm al-Hadīth*, *al-Aidah fī Manāṣik al-Hajj*, *Al Majmū' Syarah Muhazzab*, *al-Rauḍah*, *Tahdhīb al-Asmā' wa al-Lughāt*, *al-Minhāj al-Tālibīn* dan *Matan al-Arba'īn*. Beliau wafat pada 24 Rejab 676 Hijrah, dan dimakamkan di Nawa setelah sekian lama beliau hidup dengan membujang tidak beristeri di tengah-tengah suasana masyarakat Damshiq dan telah berjaya menyumbangkan tenaga fikiran dan ilmunya kepada agama Islam dan umatnya. Lihat Al-Nawawi (2010), *op.cit*, h. 5

<sup>370</sup> Beliau ialah Muhammad bin Ahmad al-Syarbīni Syamsuddin seorang yang faqih, bermazhab Syāfi'i, ahli tafsir. Tinggal di Kaherah. Banyak menyusun kitab, antaranya *Mughnī al-Muhtāj* dan kitab *al-'Iqnā'*. Meninggal pada tahun 977H. Lihat Al-

dipilih oleh Imām Ghazālī<sup>371</sup> dan ibn al-Šālāh dan Imām Nawawi pada *Raudahnya*<sup>372</sup> dan menguatkan dia oleh Imām Subkī dan Imām Azra’ī sah jadi wali orang fasiq jika ada sekira-kira jika ditanggalkan *wilayah*<sup>373</sup>nya nescaya berpindah kepada hakim yang fasiq pula, maka tatkala itu sah ia wali yang fasiq itu jadi wali menikahkan anaknya .

(Dan) kata Azra’ī adalah aku memfatwakan masa beberapa tahun dengan sah menikahkan oleh wali yang hampir fasiq.

(Dan kata) kebanyakan ulama yang *muta’akhirin*<sup>374</sup> sah jadi wali orang fasiq itu *muṭlaqān* yakni sama ada ia berpindah kepada hakim yang *fasiq* atau adil, demikianlah dihikayatkan oleh Syeikh ibn Hajar di dalam *Tuhfah*<sup>375</sup> kerana adalah *fasiq* itu telah umum lagi ghaliblah pada kebanyakan manusia hingga berkata Imām Ghazālī r. m: “Barang siapa membatalkan hukum nikah dengan wali yang fasiq nescaya dihukumkan atas segala manusia pada masa ini anak zina yakni tiada anak halal tetapi anak *syubhah*”<sup>376</sup> dan menguatkan kata ini barang yang dihikayatkan oleh setengah ulama satu *qīl* bagi Imām Syāfi’ī r.a sah nikah dengan dua , yang fasiq seperti yang telah terdahulu .

(Demikian lagi) apabila [ber]taubat [orang] yang fasiq itu [maka] sah [ia] jadi wali pada waktu itu jua kerana syarat wali itu ketidaaan fasiq, tiada disyaratkan adil[nya]. Maka

---

Syeikh Muhammad bin Abdullah al-Banjari (2010) : *Sabil al-Muhtadīn li al-Tafaqqūh Fī Amr al-Dīn*, Kuala Lumpur, Telaga Biru Sdn Bhd., h 254

<sup>371</sup> Nama penuh beliau ialah Abu Hamid Muhammad bin Muhammad bin Muhammed al-Ghazālī al-Tūsi. Dilahirkan pada tahun 450H/1058M di sebuah kampong yang bernama Ghazalah yang terletak di dalam jajahan Khurasan dan meninggal dunia juga di sana pada tahun 505H/1111M. Beliau ialah seorang sufi bermazhab al-Syāfi’ī dan merupakan seorang tokoh ilmuan Islam yang menguasai pelbagai bidang ilmu antaranya fiqh, usul fiqh dan falsafah. Antara karya karangan beliau yang dianggarkan sekitar 200 buah ialah *Iḥyā’ Ulūm al-Dīn*, *al-Basit*, *Minhāj al-Abidin al-Mustasfā min Ilm al-Uṣūl*, *al-Munqidh min al-Dalal*, *Tahafut al-Falasifah*, *al-Iqtisad fi al-Iqtiqad*, *Jawahir al-Qurān*, *Fadā’ih al-Bātiniyyah* dan *al-Tibr al-Masbūk fi Naṣīhat al-Mulūk*. Ketokohan al-Ghazali dalam bidang psikologi jelas tergambar menerusi kitabnya *Iḥyā’ Ulūm al-Dīn* yang ringkasnya disebut *Kitab al- Iḥyā’*. Beliau turut membincarakan tentang keadaan-keadaan jiwa dalam karya lainnya yang masih berbentuk manuskrip iaitu kitab *Ma’rīj al-Quds fi Ahwal al-Nafs*. Lihat Ibn al-Khilikān (1968), *Wafayāt al-A’yān*, Beirut, Lubnan, Dār al-Thaqāfah, j.4, h.216 dan al-Zirikli (1969), *al-A’lām Qamūs Tarājum*, Beirut, Tab’ah al-Thāniyyah, j.3, h.247.

<sup>372</sup> Al-Nawawi (2010), *op.cit.*, h. 259.

<sup>373</sup> ۲۴۳ : boleh ditarik bawahkan huruf wau dan ditarik atas. Dari segi bahasa bermaksud pertolongan atau bantuan dan dari segi istilah syarak ialah merupakan satu kuasa atau kemampuan melaksanakan ‘aqad atau menguruskannya di mana ia boleh menjadi pelaksana ‘aqad tanpa terikat atau terhenti dengan izin seseorang. Muhammad ‘Uqlah (1989), *Nizām al-Usrah Fi al-Islām*. Ammān: Maktabah al-Risālah al-Hadīthah., h.350

<sup>374</sup> (yang terkemudian)

<sup>375</sup> Syeikh Ibn Hajar al-Haytami (t.t), *op. cit.*, h. 207.

<sup>376</sup> Al-Ghazālī ( t.t ), *Iḥyā’ Ulūm al-Dīn*, h. 56

adalah [di]antara keduannya ada yang menegahi (bahkan) jika ada yang fasiq itu imām *al-A'azam*<sup>377</sup> [maka] sah jadi wali serta fasiqnya *ittifāq* segala ulama kerana membesar bagi kelakuannya, maka harus ia [meng]kahwinkan anaknya dan anak orang lain dengan wilayah yang am, maka jika adalah cedera<sup>378</sup> satu syarat daripada segala syarat yang tersebut itu<sup>379</sup> pada *awla* [wali] yang *aqrab*, maka berpindah wali itu kepada [wali] *ab'ad*.

(Dan demikian lagi) harus bagi orang yang fasiq menikahkan sahayanya perempuan dengan jalan milik, tiada jalan wilayah dan hanya yang jadi wali orang kafir itu akan perempuan yang *kāfirah* dan jika bersalahannya agamanya sekalipun, seperti Yahudi sah ia menikahkan perempuan yang *Nasraniyyah* sama ada suaminya itu Islam atau kafir, maka tiada sah kafir jadi wali bagi perempuan yang muslimah jika sahayanya sekalipun, dan tiada sah orang Islam wali bagi perempuan yang kafirah melainkan sahayanya dan melainkan Sultan dan naibnya maka sah ia menikahkan perempuan *kāfirah* yang tiada ada walinya (tetapi) tiada sah kafir *harbi* jadi wali perempuan yang *dhimmiyyah* dan 'aksnya'<sup>380</sup> kerana tiada mempesaka setengah akan setengahnya (tetapi) kafir jadi wali itu akan perempuan yang kafirah jika adalah adil pada agamanya bersalahannya jika ia fasiq maka tiada sah ia jadi wali seperti hukum Islam juga .

## ORANG FASIQ<sup>381</sup>

( FAEDAH<sup>382</sup>) Bermula orang yang fasiq itu iaitu yang mengerjakan dosa besar, maka dosa besar itu iaitu barang yang ada *wārid* daripada al-Qur'ān atau Ḥadith janji siksa atas mereka yang mengerjakan dia.

---

<sup>377</sup> (yang lebih besar)

<sup>378</sup> Yakni cacat

<sup>379</sup> Katanya yang tersebut itu yakni delapan syarat yang terdahulu

<sup>380</sup> عکس : maksudnya; sebaliknya

<sup>381</sup> Fasiq bermakna tidak mempedulikan perintah Allāh. Lihat *Kamus Dewan*, (2010), *op.cit*, h. 408.

<sup>382</sup> Bermaksud "suatu pengajaran yang perlu diberi perhatian".

(Kata) setengah ulama iaitu tiap-tiap dosa yang mewajibkan ḥad atas yang mengerjakan dia dan iaitu amat banyak .

(Kata) Ibn ‘Abbās<sup>383</sup> ( r.a ) hampir tujuh ratus, maka yang terlebih besar dosa besar itu

(قتل النفس التي حرم الله )<sup>384</sup> yakni membunuh orang yang diharamkan

Allāh,<sup>385</sup> menuduh akan zina perempuan yang muḥṣanat<sup>386</sup> yang lalai daripada maksiat,<sup>387</sup> (dan) putus asa daripada rahmat Allāh,<sup>388</sup> (dan) memakan [h]arta riba,<sup>389</sup>

<sup>383</sup> ‘Abdullah bin ‘Abbās. Lihat m.s. 79

<sup>384</sup> Firman Allāh S.W.T:

فَلَمَّا مَاتَ الْأَنْبَيْرُ بِكُمْ عَلَيْكُمْ أَلَا تُشْرِكُوا بِيَدِهِ شَيْئًا وَبِأَلْوَاهِيْنِ إِحْسَنًا وَلَا تَقْتُلُوا أَوْ لَدُكُمْ مِنْ إِنْلَقَتْ نَعْنَعْ  
نَزْرُ قُكْمٍ وَلَا إِيمَامٌ وَلَا تَقْرُبُوا الْفَوْحَشَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا يَبْلُغُنَّ وَلَا تَقْتُلُوا النَّفَسَ الَّتِي حَرَمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ ذَلِكُمْ  
وَصَنْكُمْ يَدِهِ لَكُمْ تَقْلُوْنَ ﴿١٦﴾ وَلَا تَقْرُبُوا أَمَالَ الْيَتَمِ إِلَّا يَأْتِي هِيَ أَخْسَنُ حَسْنَةً وَأَوْفُوا الْكَيْلَ  
وَالْمِيزَانَ إِذَا قِسْطَ لَا نَكِفَّ رَفْقًا إِلَّا وُسْهَمَا وَإِذَا قُلْمَ فَاعْدِلُوا وَلَا كَانَ ذَاقُرِيَ وَيَعْمَدَ اللَّهُ أَوْ فُوَادِكُمْ وَصَنْكُمْ  
يَهِ لَكُمْ تَذَكَّرُونَ (الأنعام / ١٥١)

Maksudnya: Katakanlah: "Marilah, supaya aku bacakan apa yang telah diharamkan oleh Tuhan kamu kepada kamu, iaitu janganlah kamu sekutukan dengan Allah sesuatu pun; dan hendaklah (kamu) membuat baik kepada ibu bapa; dan janganlah kamu membunuh anak-anak kamu kerana kepapaan, (sebenarnya) Kamilah yang memberi rezeki kepada kamu dan kepada mereka; dan janganlah kamu hampiri kejahatan-kejahatan (zina) - yang terang daripadanya dan yang tersembunyi; dan janganlah kamu membunuh jiwa yang telah diharamkan Allah (membunuhnya) melainkan dengan jalan yang hak (yang dibenarkan oleh Syarak). Dengan yang demikian itulah Allah perintahkan kamu, supaya kamu memahaminya.

<sup>385</sup> Firman Allāh S.W.T:

وَلَا تَقْتُلُوا النَّفَسَ الَّتِي حَرَمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ وَمَنْ قُتِلَ مُظْلُومًا فَقَدْ جَعَلْنَا لِوَلِيِّهِ سُلْطَانًا كَلَّا يُسْرِفُ فِي الْقَتْلِ إِنَّمَا كَانَ  
مَنْصُورًا ﴿٣٣﴾ (الإسراء)

Maksudnya: Dan janganlah kamu membunuh diri seseorang manusia yang diharamkan oleh Allah membunuhnya kecuali dengan alasan yang benar. Dan sesiapa yang dibunuh secara zalim, maka sesungguhnya Kami telah menjadikan warisannya berkuasa menuntut balas. Dalam pada itu, janganlah ia melampaui dalam menuntut balas bunuh itu, kerana sesungguhnya ia adalah mendapat sepenuh-penuh pertolongan (menurut hukum Syarak).

<sup>386</sup> Perempuan yang pernah berkahwin dengan nikah yang sah dan terpelihara daripada zina. Lihat *Kamus Dewan* (2010), op.cit, h. 1049

<sup>387</sup> Firman Allāh S.W.T:

وَالَّذِينَ يَرْمُونَ الْمُحْصَنَاتِ ثُمَّمَ يَأْتُو أَبَا زَيْدَ شَهِيدًا إِنَّمَا جَلَدُوهُمْ كَثِيرًا جَلْدًا وَلَا تَقْبِلُوا الْمُشْهَدَةَ أَبَدًا وَلَا تَكِلُّهُمْ  
إِلَّا لِلَّذِينَ تَأْتُوا مِنْ بَعْدِ ذَلِكَ وَأَضْلَلُوهُمْ أَفَإِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٥٤﴾ (النور / ٥٤)

Maksudnya: Dan orang-orang yang melemparkan tuduhan (zina) kepada perempuan yang terpelihara kehormatannya, kemudian mereka tidak membawakan empat orang saksi, maka sebatlah mereka delapan puluh kali sebat; dan janganlah kamu menerima persaksian mereka itu selama-lamanya; kerana mereka adalah orang-orang yang fasik kecuali orang-orang yang bertaubat sesudah itu (dari kesalahannya yang tersebut) serta memperbaiki amalannya, maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

<sup>388</sup> Firman Allāh S.W.T:

يَسِّنِي أَنْهَبُو أَفْتَحَسْسُو أَمِنْ يُوسُفَ وَأَجِيهِ وَلَا تَأْتِيَسُو أَمِنْ رَوْحَ اللَّهِ إِنَّمَا لَا يَأْتِيَسُ مِنْ رَوْحَ اللَّهِ إِلَّا الْقَوْمُ الْكَافِرُوْنَ  
(يوسف) ﴿٨٧﴾

Maksudnya: Wahai anak-anakku! Pergilah dan intiplah khabar berita mengenai Yusuf dan saudaranya (Bunyamin), dan janganlah kamu berputus asa dari rahmat serta pertolongan Allah. Sesungguhnya tidak berputus asa dari rahmat dan pertolongan Allah itu melainkan kaum yang kafir".

<sup>389</sup> Firman Allāh S.W.T:

(dan) saksi yang dusta, (dan)makan [h]arta anak yatim dengan zalim,<sup>390</sup> (dan) zina,<sup>391</sup> (dan) liwaṭ, (dan) meninggalkan sembahyang yang lima waktu,<sup>392</sup> (dan) berbuka puasa pada bulan Ramadan dengan tiada musafir dan uzur,<sup>393</sup> (dan)lari daripada berperang dengan kafir tatkala berbaris saf serta syaratnya dua ganda, (dan) merampas dengan tiada sebenarnya, (dan) menegahkan zakat, (dan) mendustakan [ke]atas Rasūlullāh S.A.W, (dan) menderhaka akan dua ibu bapanya,<sup>394</sup> (dan) memutuskan rahim, (dan)

وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَمَ الْرِّبَا (البقرة / ٢٧٥)

Maksudnya: “Dan Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba”.

<sup>390</sup> Firman Allāh S.W.T:

وَلَا تَنْقِرُ بُوَامَالَ أَتَيْتُمْ إِلَّا بِمَا تَنْقَرُ هِيَ أَحْسَنُ حَتَّى يَتَلَقَّ أَشْدَدَهُ وَأَفْوَأُ الْمَهْدِ إِنَّ الْعَهْدَ كَانَ مَسْعُولاً (آلِ السَّرَّاء / ٣٤)

Maksudnya: *Dan janganlah kamu menghampiri harta anak yatim melainkan dengan cara yang baik (untuk mengawal dan mengembangkannya), sehingga ia baligh (dewasa, serta layak mengurus hartanya dengan sendiri); dan sempurnakanlah perjanjian (dengan Allah dan dengan manusia), sesungguhnya perjanjian itu akan ditanya.*

Sabda Rasūlullāh (S.A.W) :

(اجتبوا السبع الموبقات، قالوا يا رسول الله وما هن؟ قال : الشرك بالله والسحر وقتل النفس التي حرم الله إلا بالحق، وأكل الربا، وأكل مال اليتيم، والتولي يوم الزحف)

Hadīth riwayat al-Bukhārī dalam Kitab *al-Waṣayā*, no. ḥadīth 23, dan kitab *al-Ḥudūd* no. ḥadīth 44 dan kitab *Muḥāribīn* no. ḥadīth 30 dan riwayat Muslim dalam kitab *al-Imān* no. ḥadīth 144.

<sup>391</sup> Firman Allāh S.W.T:

وَلَا تَنْقِرُ بُوَا الْرَّبِّيِّ إِنَّهُ كَانَ كَذِبَةً وَسَآءَ سَبِيلًا (آلِ السَّرَّاء / ٣٢)

Maksudnya: *Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan).*

<sup>392</sup> Sabda Rasūlullāh S.A.W:

”من ترك الصلاة متعدداً فقد كفر جهاراً“

Maksudnya: “Sesiapa yang meninggalkan sembahyang, maka kafirlah ia sebagai kafir yang nyata”

<sup>393</sup> Firman Allāh S.W.T:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُنْتُ عَلَيْكُمْ أَصِيلَمُمْ كَمَا كُنْتُ عَلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَمْ أَكُنْ تَنَقِّلُكُمْ أَيَّامًا مَعْدُودَةٍ فَإِنْ كَانَ مِنْكُمْ مَرِيضًا أَوْ عَلَى سَفَرٍ فَعُذْلَةٌ مِنْ أَيَّامٍ أُخْرَى وَعَلَى الَّذِينَ يُطِيقُونَهُ فِدْيَةٌ طَعَامٌ مِنْ كِنْدِينَ فَمَنْ تَطَوَّعَ خَيْرًا فَهُوَ خَيْرٌ لَهُ وَأَنْ تَصُومُوا أَخِيرَ لَيْلَكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ (آلِ الْبَقْرَة / ١٨٤ - ١٨٣)

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertaqwā. (Puasa yang diwajibkan itu ialah beberapa hari yang tertentu; maka sesiapa di antara kamu yang sakit, atau dalam musafir, (bolehlah ia berbuka), kemudian wajiblah ia berpuasa sebanyak (hari yang dibuka) itu pada hari-hari yang lain; dan wajib atas orang-orang yang tidak terdaya berpuasa (kerana tua dan sebagainya) membayar fidyah iaitu memberi makan orang miskin. Maka sesiapa yang dengan sukarela memberikan (bayaran fidyah) lebih dari yang ditentukan itu, maka itu adalah suatu kebaikan baginya; dan (walaupun demikian) berpuasa itu lebih baik bagi kamu daripada memberi fidyah), kalau kamu mengetahui.

<sup>394</sup> Firman Allāh S.W.T:

وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَنَ بِوَالَّذِي هُسْنَّا وَإِنْ جَهَدَ الْكُلُّ شُرُكَ بِمَا تَيَسَّرَ لَكُمْ بِهِ عِلْمٌ فَلَا تُنْهِمُهُمَا إِلَيْ مَرْجِعِكُمْ فَأُنْتُمْ كُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ (آلِ الْعِنكِبوت / ٨)

Maksudnya: *Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya; dan jika mereka berdua mendesakmu supaya engkau memperseketutkan Daku (dalam ibadatmu) dengan sesuatu yang engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya, maka janganlah engkau taat kepada mereka. Kepada Akulah tempat kembali kamu semuanya, kemudian Aku akan menerangkan kepada kamu segala yang kamu telah kerjakan*

khianat pada sukatannya dan timbangan,<sup>395</sup> (dan) sembahyang dahulu daripada waktunya dengan sengaja (dan) *takhirkan* hingga keluar waktunya, (dan) lupa akan Qur'ān kemudian daripada dihafazkan dia, (dan) jima' isterinya pada haid, (dan) makan dan minum pada bejana emas dan perak,<sup>396</sup> (dan) memakai emas dan perak dan sutera bagi laki-laki, (dan) meninggalkan menyuruh dengan makruf dan tegah akan mungkar,<sup>397</sup> (dan) mengambil upah pada hukum supaya memenangkan dia,<sup>398</sup> (dan) mengadu-gadu, (dan) makan babi,<sup>399</sup> (dan) membakar binatang yang hidup, (dan) meminum arak,<sup>400</sup>

<sup>395</sup> Firman Allāh S.W.T:

وَأُوْفُ الْكَيْلَ إِذَا كِلْمَ وَرِزْوُ أَبْيَقْنَطَاسِ الْمُسْتَقِيمَ ذَلِكَ حَبْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا ﴿٣٥﴾ (الاسراء / ٣٥)

Maksudnya: *Dan sempurnakanlah sukatan apabila kamu menyukat, dan timbanglah dengan timbangan yang adil. Yang demikian itu baik (kesannya bagi kamu di dunia) dan sebaik baik kesudahan (yang mendatangkan pahala di akhirat kelak).*

<sup>396</sup> Sabda Rasūlullāh S.A.W:

لَا تلبسو الْحَرِيرَ وَلَا الدِّبَاجَ، وَلَا تُشَرِّبُوا فِي أَنْتِهِ الْذَّهَبَ وَالْفَضَّةَ وَلَا تَكْلُوا فِي صَاحِفَاهَا فَانْهَا لَهُمْ فِي الدُّنْيَا وَلَنَا فِي الْآخِرَةِ ()

Maksudnya: "Jangan kamu memakai pakaian sutera dan dibaj (sejenis pakaian yang sangat berharga daripada sutera). Dan jangan kamu minum menggunakan bekas-bekas enas dan perak. Jangan kamu makan menggunakan pinggan-pinggan/ talam-talam yang diperbuat daripadanya. Sesungguhnya semua itu untuk mereka( orang-orang kafir) di dunia dan untuk kita pada hari Akhirat". Hadith riwayat al-Bukhari no. ḥadīth 5110 dan Musli no. ḥadīth 2067.

<sup>397</sup> Firman Allāh S.W.T:

يَبْشِّرُ أَقْمَ الصَّلَوةَ وَأَمْرَ بِالْمَعْرُوفِ وَأَنْهِ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأَصْبِرْ عَلَىٰ مَا أَصَابَكَ إِنَّ ذَلِكَ مِنْ عَزْمٍ لَا مُورٍ ﴿١٧﴾ (لقمان / ١٧)

Maksudnya: "Wahai anak kesayanganku, dirikanlah sembahyang, dan suruhlah berbuat kebaikan, serta laranglah daripada melakukan perbuatan yang mungkar, dan bersabarlah atas segala bala bencana yang menimpamu. Sesungguhnya yang demikian itu adalah dari perkara-perkara yang dikehendaki diambil berat melakukannya.

<sup>398</sup> Firman Allāh S.W.T:

وَلَا تَكُلُّ أَمْوَالَكُمْ يَتَّكِئُمْ بِالْبَطْلِ وَتُنْلُوْهَا إِلَى الْحُكَّامِ إِنَّكُلُّ أَفْرِيقَانَ مِنْ أَمْوَالِ النَّاسِ بِالْإِثْمِ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿١٨٨﴾ (البقرة / ١٨٨)

Maksudnya: *Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya).*

<sup>399</sup> Firman Allāh S.W.T:

إِنَّمَا حَرَمَ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةَ وَالدَّمَ وَلَحْمَ الْخِنْزِيرِ وَمَا أَهْلَبَ بِهِ لِغَمِيرَ اللَّهِ فَمَنْ أَضْطَرَ عَيْرَ بَأْغَ وَلَا عَادِفَلَا إِنَّمَا غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١٧٣﴾ (البقرة / ١٧٣)

Maksudnya: Sesungguhnya Allah hanya mengharlamkan kepada kamu memakan bangkai, dan darah, dan daging babi, dan binatang-binatang yang disembelih tidak kerana Allah maka sesiapa terpaksa (memakannya kerana darurat) sedang ia tidak mengingininya dan tidak pula melampaui batas (pada kadar benda yang dimakan itu), maka tidaklah ia berdosa. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihi.

<sup>400</sup> Firman Allāh S.W.T:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّمَا الْحَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَرْلَمُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوهُ مَعْلَمَكُمْ قُتْلُهُونَ ﴿٩﴾ (المائدah / ٩)

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman! Bahawa sesungguhnya arak, dan judi, dan pemujaan berhala, dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah, adalah (semuanya) kotor (keji) dari perbuatan Syaitan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya.

## [ Halaman 15 ]

(dan)mencuri,<sup>401</sup> (dan) memaki sahabat Nabi, (dan) memukul orang Islam dengan tiada sebenarnya, (dan) *nusyuz*<sup>402</sup>,(dan) *zihār*<sup>403</sup>(dan) mengumpat-umpat akan ahli ilmu dan *hamlah*<sup>404</sup>al-Qur'ān dan lainnya beberapa banyak.

(Dan) jadi fasiq pula dengan sebab mengekalkan dosa yang kecil jika tiada ghalib taatnya atas maksiatnya, maka jika ghalib taat atas maksiatnya, (maka) tiada cedera pada adilnya seperti melihat kepada barang yang diharamkan, (dan) tertawa-tawa dengan ketiadaan 'ujub, (dan) dusta, (dan) melihat di dalam rumah manusia dengan tiada izinnya, (dan) tiada berkata-kata dengan [se]sama Islam lebih daripada tiga hari dengan [ke]tiada[an] uzur, (dan) meratab,<sup>405</sup> dengan biji sabak,<sup>406</sup> (dan)memecah baju ketika kena bala', (dan) duduk serta orang fasiq menjinakkan mereka itu, (dan) sembahyang pada waktu *karāhiyyah*<sup>407</sup>sembahyang yang tiada mempunyai sebab (dan) berjual beli di dalam masjid, (dan) [men]jadi imām pada hal makmumnya benci akan dia, (dan) berkata-kata hal khatib membaca khutbah, (dan)menghubungkan puasa dua hari dengan tiada berbuka, (dan) mengeluarkan mani dengan tangan dirinya,<sup>408</sup> (dan)

<sup>401</sup> Firman Allāh S.W.T:

وَالسَّارِقُ وَالسَّارِقَةُ قُطْعَهُ أَيْدِيهِمَا حَرَجٌ آءِيهَا كَسْبَانَ كَلَامَنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ( المائدة/ ٣٨ )

Maksudnya: *Dan orang lelaki yang mencuri dan orang perempuan yang mencuri maka (hukumnya) potonglah tangan mereka sebagai satu balasan dengan sebab apa yang mereka telah usahakan, (juga sebagai) suatu hukuman pencegah dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.*

<sup>402</sup> Yakni derhaka

<sup>403</sup> Firman Allah S.W.T:

وَالَّذِينَ يُظْهِرُونَ مِنْ نَسَاءِهِمْ كُمْ يَمْوُدُنَ لِمَا قَالُوا أَفَتَخِرُ بِرُّتْبَتِهِ مِنْ قَبْلِ أَنْ يَتَمَاسَّا ذَلِكُمْ تُوْعَظُونَ يَهُوَ وَاللَّهُ بِمَا تَمَلَّوْنَ حَمِيدٌ فَإِنْ لَمْ يَجِدْ فَصَيَامَ شَهْرَيْنِ مُشَتَّأَعَيْنِ مِنْ قَبْلِ أَنْ يَتَمَاسَّا فَمَنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَإِلَاعَامَ سَيِّنَ مُسْكِيَنَا (المجادلة/ ٤-٣ )

Maksudnya: *Dan orang-orang yang menzihārkan isteri mereka, kemudian mereka hendak menarik kembali apa yang mereka ucapkan, maka(wajib atasnya) memerdekaan seorang hamba perempuan sebelum kedua isteri itu bercampur. Demikianlah yang diajarkan kepada kamu dan Allah mengetahui apa yang kamu kerjakan.Barangsiapa yang tidak mendapat(merdeka hamba), maka(wajib atasnya) berpuasa dua bulan berturut-turut sebelum keduanya bercampur. Maka siapa yang tidak kuasa(wajiblah)memberi makan enam puluh orang miskin.*

<sup>404</sup> penjunjung al-Qur'an. Maksudnya mereka yang berpegang dengan al-Qur'an dan segala isi kandungannya. Lihat *Qāmus al-Marbāwi* (1990), op. cit, h. 66.

<sup>405</sup> Sabda Rasūllullāh S.A.W:

لَيْسَ مَنْ لَطَمَ الْخُدُودَ، وَشَقَ الْجَيْبَ، وَدَعَا بِدُعَى الْجَاهِلِيَّةِ .

Hadīth riwayat al-Bukhāri Fī Kitāb al-Janāiz Bab(35) *Laisa minnā man syaqqa al-juyūb*, no. hadīth 1294

<sup>406</sup> Batu tulis(alat tulis yang dibuat daripada batu berbentuk papan nipis diberi bingkai untuk ditulisi). Lihat Dato Paduka Haji Mahmud bin Haji Bakyr(2003), *Kamus Bahasa Melayu Nusantara*, Brunei: Dewan Bahasa Dan Pustaka., h. 2324

<sup>407</sup> Yakni makruh

<sup>408</sup> (Katanya mengeluarkan mani dengan tangan dirinya) Adapun mengeluarkan mani dengan tangan isterinya atau gundiknya, maka iaitu harus.

membanyakkan berkelahi dan berbantah-bantah jika ia sebenarnya sekalipun, dan lainnya.

(Dan demikian lagi) daripada dosa kecil enggan mengkahwinkan maulainya serta diperoleh[i] syaratnya

(Dan demikian lagi) disyaratkan wali itu *mukhtār*, maka tiada sah digagahi dengan tiada sebenarnya.

(Dan demikian lagi) disyaratkan ketiadaan *ihrām*, maka tiada sah wali itu jika ia [ber]*ihrām*.

(Dan demikian lagi) disyaratkan mengetahui akan wakil jika ada suaminya itu berwakil pada *qabūl* gantinya, (tetapi) tiada disyaratkan melihat sah[nya] daripada orang buta, dan tiada disyaratkan pula daripada orang yang berkata-kata, maka sah[lah] daripada orang yang kelu yang mempunyai isyarat yang difaham orang akan isyaratnya, dan tiada [di]syaratkan pula daripada orang yang usaha yang baik, maka sah[lah] daripada orang yang keji-keji jika sepatutnya jika usahanya dan usaha bapanya.

(Dan) tiada disyaratkan pula wali itu yang bukan *mahjūr* dengan *muflis*<sup>409</sup> yakni orang yang tiada mencukupi [h]arta dengan [h]utangnya, maka sah daripada *mahjūr* kerana *muflis*.

(Adapun) jika pitam wali itu, maka ditilik<sup>410</sup> jika tiada berkekalan lebih daripada tiga hari kata Imām Nawawi pada *Minhāj*<sup>411</sup>: dinantikan jua melainkan jika menyeru hajat kepada nikah, maka dinikahkan oleh hakim, tiada wali *ab’ad* dan yang dimuktamadkan

<sup>409</sup> Tidak sanggup(berupaya) membayar hutang, bankrap. Lihat *Kamus Dewan* (2010), *op.cit*, h. 1048

<sup>410</sup> (diperhatikan betul-betul)

<sup>411</sup> Al-Nawawi (2010), *op.cit*, h. 260.

oleh Ramlī, manakala lebih daripada tiga hari, maka berpindahlah kepada [wali] *ab'ad* tiada hakim.

(Dan) harus bagi wali yang *mujbir* itu berwakil pada mengkahwinkan *mawlanya* yang *bikr* jika dengan tiada izinnya sekalipun, dan segala wali yang lain daripadanya tiada harus berwakil wali dengan tiada izinnya, jika diizinkan maka harus ia berwakil.

(Dan) manakala berwakil wali yang *mujbir* atau segala *auliya'* yang lain dengan izin perempuan itu, maka sunat pula mintak izin wakil kepada perempuan itu.

(Dan) disyaratkan pula pada wakil itu mereka yang sah jadi wali, maka tiada sah daripada orang yang fasiq dan sahaya.

(Dan) wajib atas wali memperkenankan perempuan yang menuntut berkahwin jika ada ia kufu baginya jika ada ia baligh perempuan itu, lagi aqil jikalau *bikr* ia sekalipun dan jika perempuan itu gila jika nyata hajatnya kepada berkahwin, maka wajib bagi walinya itu kahwinkan dia dan jika adalah bagi perempuan itu beberapa *auliya'* yang satu darjatnya, maka menuntut akan seorang daripadanya mengkahwinkan dia, maka wajib atas yang dituntut itu mengkahwinkan dia.

(Dan) apabila berhimpun beberapa *auliya'* yang sedarjat seperti beberapa saudara atau beberapa mama' atau anak mama'nya, maka sunat bahawa yang mengkahwinkan itu yang terlebih *faqih*<sup>412</sup>nya, dan jika bersamaan pada *faqih*nya, maka yang waraknya, maka jika bersamaan pada waraknya, maka yang tuha pada Islāmnya.<sup>413</sup> [Maka] jika bersamaan mereka itu pada segala sifatnya yang tersebut itu, maka dibuangkan undi antara mereka itu, maka yang kena undinya itulah yang me[ng]kahwinkan yang tiada keluar izinnya, maka sah nikahnya jika ada izinnya pada sekalian mereka itu dan jika diizinkan pada seorang mereka itu juga, maka tiada harus bagi yang lain

<sup>412</sup> قَيْمَة : yakni yang alim ilmu fekah. Lihat *Qāmus al-Marbawī* (1990), *op.cit.*, h. 99

<sup>413</sup> (Katanya maka yang tua pada Islam) ibarat *Minhaj* tiada *qaid* (kaitan) tua pada Islam, maka iaitu tua pada umur kerana orang yang tua itu lebih pengetahuannya pada segala kufu itu baginya.

me[ng]kahwinkan dia lagi tiada sah dan jika me[ng]izin akan segala mereka itu yang sedarjat maka

[ Halaman 16 ]

me[ng]kahwinkan akan dia akan si Zaid dan yang seorang akan si Umar, maka jika diketahui yang dahulunya, maka iaitu *ṣahīhnya* dan jika bersamaan antara keduanya atau kesamaran tiada diketahui akan yang dahulunya, maka keduanya itu batal.

(Dan) jika diketahuinya akan seorang daripada keduanya (tetapi) tiada tertentu, maka itupun batal keduanya.

(Dan) jika diketahui akan dahulunya yang tertentu kemudian, maka lupa ia maka kesamaran ia wajib dihentikan pekerjaan itu hingga nyata dan tiada harus ia berkahwin dengan yang lain daripada keduanya jikalau beberapa lama masanya sekalipun hingga ditalak keduanya atau mati seorang dan ditalak yang lainnya bahkan apabila putus asa ia daripada menyatanya, maka harus ia menuntut kepada hakim menfasakhkan dia.

(Dan) wajib atas hakim itu memperkenankan tuntutannya kerana ḍarurat dan wajib atas keduanya itu memberi nafkah kerana terpenjara perempuan itu sebab keduanya.

(Maka apabila) nyata bagi salah seorang daripadanya, maka harus bagi yang lainnya itu mintak kembalikan kepadanya akan barang yang dinafkahkan itu jika ia nafkahkan dengan izin hakim atau disaksikan dan diniatkan kembali, (dan) wajib bagi keduanya setengah isi kahwinnya.<sup>414</sup>

(Dan) tiada harus bagi seorang memerintah dua taraf ijab dan qabul melainkan neneknya juga, maka dikahwinkan dua cucunya dengan syarat tiada bapa keduanya atau ada ia gila atau lainnya seperti kata nenek itu: “Ku kahwinkan cucuku si Fatimah dengan cucuku si Zaid” dan “aku terimalah nikahnya itu baginya”.

---

<sup>414</sup> (Katanya dan wajib bagi keduanya setengah isi kahwinnya ertinya jika difasakh oleh Qādī akan nikah perempuan itu dan pada halnya telah diberi kepadanya setengah isi kahwinnya dan dituntut balik oleh suami itu daripada isi kahwinnya [maka] wajib perempuan itu beri balik kepada keduanya.

(Dan) tiada harus bagi anak mama'nya itu jadi wali bagi perempuan jika ia hendak berkahwin dengan dia bagi dirinya (tetapi) hendaklah yang mengkahwinkan dia itu mereka yang sedarjatnya dengan dia jika ada dan jika tiada atau ada [wali] tetapi [wali] *ab'ad*, maka hakim mengkahwinkan dia.

(Dan demikian lagi) Qādī jika be[r]kehendak ia akan perempuan yang tiada baginya walinya, maka mengkahwinkan dia itu khalifahnya atau sultan dan tiada bagi seorang yang [wali] *aqrab* dan wali yang *ab'ad* daripada segala 'asabahnya dan yang memerdekaan dia pun tiada dan segala 'asabahnya pun tiada, maka berpindah wali pula kepada yang memerdekaan akan yang memerdekaan dia dan jika ia pun tiada, maka segala 'asabahnya pula, maka tiada pula, maka hakimlah yang menikahkan dia dengan wali 'ām.

### **Hakim boleh jadi wali**

(Dan demikian lagi) hakim jadi wali pada beberapa masalah, setengahnya ketiadaan wali sekali-kali atau *ihrām* walinya, maka tiada harus [wali] *ab'ad* menikahkan dia masa ada wali yang *aqrab* ihramnya atau berkehendak wali *aqrab* kepada perempuan itu maka tiada wali yang lain yang sedarjat dengan dia, maka hakimlah jadi walinya tiada kepada [wali] *ab'ad* atau berlayar wali *aqrab* itu pelayaran dua hari, maka hakim jadi walinya tiada [wali] *ab'ad*.

(Dan jika) ada ia kurang daripada dua hari, tiada harus hakim jadi wali dengan tiada izin wali *aqrab* bahkan melainkan jika kesukaran sampai kepadanya sebab takut atau lainnya atau ada ia di dalam negeri tetapi ia di dalam penjara sultan yang *ta'azzur*<sup>415</sup> sampai kepadanya (yakni) tiada dapat sampai sekali-kali kepadanya, maka hakim jadi walinya,

---

<sup>415</sup> تَعْزُّز : yakni

(maka jika) kesukaran sampai kepada tempat penjara itu ertinya dapat sampai tetapi sukar jua, maka tiada harus hakim jadi wali melainkan dengan izinnya atau ghalib wali *aqrab* tiada diketahui akan hidupnya atau matinya, maka hakimlah akan jadi walinya tiada [wali] *ab'ad* atau perempuan yang hendak bersuami itu gila lagi baligh, maka tiada wali yang *mujbirnya* maka hakimlah jadi walinya tiada [wali] *ab'ad* atau sahaya perempuan bagi orang kafir masuk Islam itu tiada tuannya, maka hakimlah jadi walinya atau sahaya bait mal, itupun hakimlah jadi walinya atau sahaya yang diwakafkan kepada jemaah yang tertentu, itupun hakimlah jadi walinya (tetapi) dengan izin mereka itu atau ada wali *aqrab* itu enggan daripada menikahkan dia kemudian daripada disuruh oleh hakim serta hadir perempuan dan suaminya pada hadapan hakim, maka hakimlah jadi walinya tiada [wali] *ab'ad* bahkan jika berulang-ulang beberapa kali disuruh hakim, maka tatkala itu wali *ab'ad* menikahkan dia tiada hakim sebab jadi fasiq yang menegahkan jadi wali, maka tatkala itu berpindah kepada [wali] *ab'ad* tiada pada hakim

(Dan) tiada harus bagi seseorang daripada beberapa wali itu me[ng]kahwinkan dia

### [ Halaman 17 ]

dengan bukan kufunya melainkan dengan redanya dan reda segala walinya yang lain, maka jika menuntut perempuan itu berkahwin dengan tiada kufunya tiada lazim atas wali itu memperkenankan dia dan jika mengkahwinkan akan dia oleh wali yang *aqrab* dengan tiada kufunya dengan reda perempuan itu, maka tiada harus bagi wali *ab'ad* itu *i'tirad*<sup>416</sup> dan jika menuntut oleh mereka yang tiada walinya akan sultan bahawa mengkahwinkan dia dengan tiada kufunya, maka tiada harus sultan mengkahwinkan dia (tetapi) harus bagi perempuan itu menghakim seorang yang adil mengkahwinkan dia jika kesukaran sebab tiada ada laki-laki yang kufunya yang berkehendak akan dia pada

<sup>416</sup> اعْتَرَاضٌ : yakni tahanan, sangkutan, perlawan, hal menegur. Maksudnya menghalangi. Lihat *Qāmus al-Marbawī* (1990), *op.cit.*, j.2, h. 16.

negeri itu bahkan pula jika diketahui oleh Qādī akan perempuan itu tiada ada yang berkehendak kepadanya dan ditakut pula manakala tiada dikahwinkan dia nescaya [ber]zinanya, maka wajiblah Qādī itu mengkahwinkan dia sebab ḥarurat.

## KUFU

**(Adapun perkara) yang dituntut pada kufunya** itu lima perkara iaitu bangsanya dan agamanya dan pekerjaannya (yakni) yang mempunyai usahanya, dan merdehka, dan jangan ada aib yang thabit *khiyār*. Maka apabila diketahui yang demikian itu, maka laki-laki yang ‘*ajami*<sup>417</sup> itu, tiada kufu dengan perempuan yang ‘*Arabiyyah* dan yang bukan *Quraish*<sup>418</sup> itu tiada kufu dengan perempuan yang *Qurasiyyah* dan yang bukan *Hāsyimī* itu tiada kufu dengan perempuan yang *Hāsyimiyyah* dan yang tiada sejahtera daripada aib itu tiada kufu dengan perempuan yang sejahtera daripada aib dan iaitu gila dan *syafaq*<sup>419</sup> dan *judham*<sup>420</sup>, maka yang tiga ini bersekutu antara laki-laki dan perempuan jika ada kedua-duanya bersamaan pada jenisnya seperti sama sopak sekalipun, kerana seorang itu lewat pada taulannya barang yang tiada pada dirinya.

Dan yang tertentu bagi laki-laki jua iaitu (*majbūb*) yakni tiada zakarnya dan (‘*innīn* ) iaitu lemah zakarnya dan dua [tertentu] bagi perempuan jua iaitu (‘*ratqā’*)<sup>421</sup>, (*Qarnā’*)<sup>422</sup> iaitu yang bersimpul farajnya dengan daging dan tulang, maka adalah segala yang tujuh ini manakala adalah salah seorang daripada dua laki isteri, maka harus difasakhkan nikahnya pula dan sahaya orang sama ada ia (*muba’ad*)<sup>423</sup> atau (*mukātab*)<sup>424</sup> atau (*mudabbar*)<sup>425</sup>, tiada kufu bagi perempuan yang sudah merdeka sekaliannya dan sahaya yang merdekakan tiada kufu dengan perempuan yang merdeka asli.

<sup>417</sup> Yakni bangsa-bangsa yang selain daripada bangsa Arab.

<sup>418</sup> Yakni bangsa Quraisy

<sup>419</sup> Yakni sejenis penyakit keputihan pada kulit yang mencorakkan kulit dan melambatkan pengaliran darah

<sup>420</sup> حَذَنْ : yakni penyakit yang menyebabkan kulit menjadi kemerahan kemudian bertukar menjadi kehitaman. Mustafā Dib al-Bughā (1986), *al-Taḥzhib fī adillah Matan al-Ghāyah wa al-Taqrīb al-Masyhūr bi Matan Abī Syujā’ fī al-Fiqh al-Syāfi’ī*; Beirut : Dār Ibn Khathīr., h.166

<sup>421</sup> رَقْنَاء : yakni terhalang tempat jimat dengan daging. *Ibid*

<sup>422</sup> قُرْنَاء : yakni terhalang tempat jimat dengan tulang. *Ibid*.

<sup>423</sup> Sila lihat m.s: 45. Telah dijelaskan sebelum ini.

<sup>424</sup> Sila lihat m.s: 45. Telah dijelaskan sebelum ini.

<sup>425</sup> Sila lihat m.s: 45. Telah dijelaskan sebelum ini.

(Dan demikian lagi) yang fasiq itu tiada kufu dengan perempuan yang solehah dan yang baharu Islam itu tiada kufu bagi perempuan yang sudah lama Islamnya dan yang Islam sendirinya tiada kufu dengan perempuan yang Islam ibu bapanya dan Islam seorang bapanya tiada kufu dengan perempuan Islam dua ibu bapanya dan orang yang *bid'ah* itu tiada kufu dengan perempuan yang *suniyyah*

(Dan demikian lagi) laki-laki yang hina tiada kufu bagi perempuan yang terlebih baik daripadanya, maka laki-laki yang me[n]yapu sampah dan mengawal negeri dan memandi orang pada *hammām*<sup>426</sup> dan gembala binatang dan menyamak kulit dan yang mengambil ikan dan yang tukang jamal<sup>427</sup> dan yang menjual daging dan bertenun itu tiada kufu bagi perempuan yang anak orang menjahit dan anak orang yang terbuat bendang dan laki-laki yang menjahit itu tiada kufu dengan perempuan yang anak saudagar dan anak orang yang berjual kain dan saudagar tiada kufu dengan perempuan yang anak Qādī atau anak orang alim.

(Kata) Imām Nawawi pada *Raudah*<sup>428</sup>: Bahwasanya hendaklah pada segala perkara yang tersebut itu diikat adat negeri itu pada segala pekerjaannya kerana bahwasanya orang yang berhuma pada setengah negeri terlebih mulia daripada orang yang bermiaga dan setengah negeri yang bermiaga itu terlebih mulia daripada yang berhuma, maka dikembalikan pekerjaan itu pada adat itu *awla*<sup>429</sup> juga.

<sup>426</sup> حمّام bererti (tempat mandi). Lihat *Qāmus al-Marbawī* (1990), *op.cit*, h.148

<sup>427</sup> جمل jamaknya jimal atau ajmāl bererti (unta). *Ibid*, h. 109

<sup>428</sup> Al-Nawawi (2010) *op.cit*, h.426

<sup>429</sup> Yakni lebih utama.

(Dan tiada) diiktibar<sup>430</sup> kaya dan miskin, maka [lelaki] yang papa itu kufu dengan perempuan yang kaya kerana [h]arta itu pergi datang seperti bayang-bayang yang hilang, dan tiadakah dengan dia yang mempunyai kemaluan dan yang mempunyai mata hati dan tiada membetuli oleh setengah yang kepujian akan setengah kebencian, maka yang [lelaki] *arabi* lagi fasiq itu tiada kufu bagi perempuan yang ‘ajamiyyah dan [lelaki] merdeka yang *ajami* itu, tiada kufu dengan perempuan sahaya yang ‘arabiyyah dan [lelaki] sahaya yang soleh itu tiada kufu dengan perempuan yang merdeka yang *fasiqah*.

(Kata) Syeikh Ibn Hajar pada *Tuhfah*<sup>431</sup>: Ada pun segala aib yang tiada *thabit* baginya *khiyār*<sup>432</sup>, maka tiada memberi cedera pada kufunya seperti buta dan yang terpotong kaki dan yang jahat rupanya yang tuha, maka kufu bagi perempuan yang sentosa daripada perkara yang tersebut tetapi sayugia<sup>433</sup> dipelihara akan itu terlebih *awla*.

**(Adapun rukun yang keempat itu zauj)** yakni suami.

Bermula suami itu apabila ada ia mutlak *taṣarrufnya* pada nikah seperti ada ia aqil baligh lagi merdehka, tiada ia *mahjūr*<sup>434</sup> atasnya dengan *safīh*,<sup>435</sup> maka harus atasnya antara ia me[ng]qabulkan nikah dengan

### [ Halaman 18 ]

sendirinya dan antara ia wakil kepada seorang yang mengqabulkan baginya, maka syarat wakilnya itu yang sah *tasarruf*<sup>436</sup> dengan sendirinya pada jumlah jua, maka harus ia berwakil kepada sahaya orang jika ada ia ‘aqil lagi baligh dan jika tiada izin penghulunya sekalipun kerana bahawasanya tiada memberi muḍarat kepada

<sup>430</sup> Yakni dikira

<sup>431</sup> Syeikh Ibn Hajar al-Haytami (t.t), *op. cit.* , h. 346

<sup>432</sup> Yakni: pilihan atau yang afdal daripada sesuatu. Lihat *Qāmus al-Marbawi* (1990), *op.cit*, h.192

<sup>433</sup> (sebaik-baiknya)

<sup>434</sup> مَحْجُورٌ، مَقْدِيدٌ : (محصور) : yakni yang tertahan, terhalang atau terikat. Lihat : *al-Mawrid*(1996): *A Modern Arabic – English Dictionary*, c. 8, Beirut, Lebanon: Dār al-‘Ilm Li al-Malāyīn, h. 987

<sup>435</sup> سَفِيْهٌ (أَحَقٌ) : yakni bodoh. *Ibid*, h. 635.

<sup>436</sup> حَقٌّ أَوْ سُلْطَةَ التَّصْرِيفِ (تصريف) : تصریف

penghulunya pada ‘aqad itu dan jika ada suami itu kecil (tetapi) ber’aqal ia dan ditilik oleh bapanya atau neneknya *maṣlahat*<sup>437</sup> pada berkahwin dikahwinkannya ia akan dia dan walinya yang *maqbūlkan* ‘aqad nikah itu baginya atau diwakilkan kepada seorang yang lain pada mengqabulkan nikah baginya tiada harus ia mengqabulkan sendirinya dan jika dengan izin walinya sekalipun.<sup>438</sup>

(Dan) tiada harus bahawa ia kahwinkan dengan sahaya kerana tiada takut akan zinanya, maka tiada harus seorang berkahwinkan dengan sahaya itu melainkan jika takut akan zinanya jika tiada berkawinnya.

(Dan tiada) harus pula dinikah dengan perempuan yang ada ‘aibnya yang thabit *khiyār* yang dahulu seperti yang buta dan yang sangat tuha<sup>439</sup> dan yang terkerat anggotanya, (tetapi) harus bagi wali itu mengkahwinkan anaknya yang belum baligh itu yang tiada kufunya kerana laki-laki itu tiada malu seperti tidurannya dengan mereka itu yang tiada kufunya bersalahan perempuan .

(Dan tiada) harus bagi wali itu mengkahwinkan dengan yang terlebih daripada mahar *mithil* jika dengan [h]arta anaknya dan jika dengan [h]arta walinya tiada disyaratkan yang demikian itu.

(Dan tiada) harus yang lain daripada bapanya dan neneknya mengkahwinkan dia.

(Dan demikian lagi) tiada harus bagi bapa dan nenek mengkahwinkan anaknya dan cucunya yang gila yang baligh melainkan kerana hajat kepada nikah seperti berkehendak ia kepada *wati* dengan tanda gemarnya seperti berkeliling akan perempuan atau diharapnya akan sembah atau berkehendak kerana khidmatnya maka tatakala itu harus bagi bapanya mengkahwinkan dia, maka jika tiada bapanya maka neneknya, maka

---

<sup>437</sup> Yakni sesuatu yang berfaedah(berguna), usaha dan sebagainya yang mendatangkan faedah.

<sup>438</sup>

<sup>439</sup> tua

sultān (tetapi) sunat sultan itu mesyuarat dengan walinya yang *aqrab* pada mengkahwinkan dia supaya tetap bagi hati mereka itu.<sup>440</sup>

(Bermula) mereka yang dihajar atasnya sebab *safīh*<sup>441</sup>tiada dapat asing dengan berkahwin dirinya (tetapi) hendaklah berkahwin dengan izin walinya atau diterimakan baginya walinya dengan izin *māḥjūr alaih*<sup>442</sup> dan jika berkahwin *safīh* yang dihajarkan itu dengan tiada izin walinya maka nikahnya itu batal, maka jika *wātī* nya pada nikahnya itu tiada wajib atasnya suatu dan tiada harus ia berkahwin dengan yang terlebih daripada mahar *mithil* maka jika dilebihnya daripada mahar *mithil* nescaya lagha yang lebih daripada mahar *mithal* maka jika ditentukan oleh wali akan perempuan yang *muayyan* atau perempuan yang pada dusun yang tertentu tiada harus ia berpaling kepada yang lain, maka jika berpaling ia daripada yang ditentukan nescaya tiada sah kahwinnya maka jika tiada ditentukan perempuannya dan ditentukan kadar maharnya seperti seribu umpamanya maka berkahwin ia dengan dua ribu dan mahar *mithil*nya lebih daripada seribu maka fasad akadnya kerana wali tiada izin pada yang lebih dan menkembalikan kepada barang yang dituntut oleh wali itu memberi mudarat akan perempuan kerana ia kurang daripada mahar *mithil*.<sup>443</sup>

(Dan jika) ada ia *safīh* itu banyak talak (yakni) tiap-tiap berkahwin ditalaknya, maka dibelikan seorang sahaya baginya supaya jangan habis [h]artanya dan mereka yang dihajarkan sebab *muflis* (yakni) banyak hutang dan tiada ada baginya [h]arta yang memadai bagi [h]utangnya, maka ditahankan Qādī pada memerintah [h]artanya kerana membayar [h]utangnya, maka jika hendaklah berkahwin maka sah ia berkahwin dengan sendirinya, (tetapi) belanja berkahwin itu daripada usahanya, tiada daripada [h]artanya

<sup>440</sup> Al-Anṣārī (al), al-Syaikh Abī Yahya Zakariya (t.t) *Fath al-Wahhāb bi Syarh Manhaj al-Tullab*, j: 2, Jeddah: al-Ḥaramain li al-Ṭibā’ah wa al-Nasyr wa al-Tawzī ‘i., h.40

<sup>441</sup> Orang yang bodoh

<sup>442</sup> مَحْجُور عَلَيْهِ : yakni bawah penjagaan. Lihat : *al-Mawrid*(1996), *op.cit*, h. 987

<sup>443</sup> Al-Anṣārī (al), al-Syaikh Abī Yahya Zakariya (t.t) *op.cit*, h. 37

kerana [h]artanya itu hak bagi segala *ghuramā*<sup>444</sup>nya dan sahaya jikalau *mukātab*<sup>445</sup> atau *muba'ad*<sup>446</sup> atau *mudabbar* sekalipun, tiada sah ia berkahwin dengan tiada izin penghulunya, maka jika berkahwin ia maka nikahnya itu batal, dan jika berkahwin dengan izin penghulunya *sahīh* dan isi kahwinnya dan nafkahnya daripada usahanya yang hasil kemudian daripada nikahnya, maka jika ada usaha itu diizinkan pada bermiaga maka diambil bagi keduanya itu [h]arta perniagaannya daripada laba dan kepada [h]artanya

(Dan) tiada harus bagi penghulunya itu mengeras akan hambanya atas berkahwin dan tiada harus bagi penghulunya mengkahwinkan sahaya laki-laki yang kecil

(Dan demikian lagi) tiada harus bagi sahaya itu mengeras penghulunya atas mengkahwinkan dia dan tiada harus bagi seorang mengkahwinkan sahaya yang diwakafkan telah terdahulu harus sultan itu mengkahwinkan dia dengan izin *mawqūf alaih*<sup>447</sup>

(Dan demikian lagi) disyaratkan pada suami itu bahawa ada ia mengetahui akan perempuan yang halal baginya dahulu daripada akadnya, maka jika berkahwin ia akan seorang perempuan yang tiada diketahui akan dia idah kah atau tiada idah atau adakah perempuan itu saudaranya atau perempuan yang *halat* maka tiada sah

### [ Halaman 19 ]

ia berkahwin dengan dia, maka iaitu tiada idahnya atau orang *halat* sekalipun bersalahan jikalau bercampur perempuan yang muhrimnya dengan beberapa perempuan yang banyak di dalam dusun yang besar yang tiada *mahṣūr*<sup>448</sup> (yakni) tiada berhingga iaitu yang lebih daripada seratus, maka ia berkahwin padanya hingga sampai kepada

<sup>444</sup>: mufradnya : غَرِيمٌ yakni: pemberi hutang. Lihat *Qāmus al-Marbawi* (1990), op.cit.h. 60

<sup>445</sup> مَكَاتِبٌ : Sila lihat m.s: 57

<sup>446</sup> مَعْصُنٌ : Sila lihat m.s: 60

<sup>447</sup> مَرْفُوفٌ عَلَيْهِ: mereka yang tertakluk keatasnya atau bergantung kepadanya oleh seseorang. Lihat *al-Mawrid*(1996), op. cit, h. 970

<sup>448</sup> مَحْسُورٌ : terhad. *Ibid*

*mahşur* , maka tiada harus kerana bahawasanya jikalau ditegahkan berkahwin nescaya tertutup pintu nikah kerana tiada sunyi daripada musafir kepada suatu negeri ada saudaranya sebab tiada sentosa daripada pergi mahramnya kepada negeri itu bersalahan jika ada negeri itu *mahşur* seperti dua puluh (tetapi) seratus dinamakan *mahşur* , maka tiada harus ia berkahwin padanya melainkan jika ia ingatkan sifat mahramnya seperti hitam umpamanya, maka haruslah ia berkahwin dengan perempuan yang putih atau merah kulitnya

(Dan jika) kesamaran isterinya dengan beberapa perempuan halat, (maka) tiada harus ia *waṭī* seorang daripadanya *muṭlaqan*.<sup>449</sup>

(Dan jika) ada bagi seorang itu dua anak perempuan yang satu mahramnya sebab *rada'*  
<sup>450</sup> atas seorang, maka berkata bapanya: “[A]ku kahwinkan dikau anakku sianu” dan suami tiada diketahuinya adakah yang mahramnya atau perempuan yang halat berkahwin dengan dia, maka tiada sah kahwinnya dan jika berkata ia: “[A]ku kahwinkan dikau perempuan yang halal bagimu” sekalipun tiada sah kahwinnya itu.

(Bermula) perempuan yang ghaib suaminya dan putus khabarnya, maka tiada harus bagi seorang bahawa mengkahwinkan dia hingga yakin akan matinya atau ditalaknya saksi dua orang yang adil atau lalu masa yang ghaib atas zannya bahawa tiada hidup kemudian daripadanya dengan dihukumkan oleh hakim akan matinya dan tak dapat tiada daripada beridah<sup>451</sup> kemudian daripada hukum idah wafat

(Dan lagi ) disyaratkan ada ia Islam jika ada perempuan itu Muslimah

(Dan lagi disyaratkan) pula jangan ada ia *ihrām* dengan haji atau umrah lagi dengan kehendaknya, maka jikalau digagahi atas qabul nikah dengan tiada sebenarnya, maka tiada sah nikahnya itu.

---

<sup>449</sup> yakni

<sup>450</sup> (susuan)

<sup>451</sup> (menjalani idah). Lihat *Kamus Dewan* (2010), op.cit, h.558

Ini *fara'*<sup>452</sup> pada menyatakan wajib atas anak itu memelihara bapanya daripada zina dengan kahwinkan dia akan perempuan yang sepatutnya dengan dia, maka wajib atas *fara'* itu mengkahwinkan asalnya iaitu bapanya dan neneknya dengan memberi isi kahwin orang merdeka atau berkata ia berkahwin olehmu ku berikan isi kahwinnya atau dikahwinkan dengan izinnya atau milikkan sahaya atau harganya kemudian maka wajib pula ia memberi belanjakan keduanya dan *kiswahnya*<sup>453</sup> dan jika mati ia, maka wajib atasnya menggantikan atau fasakhnya dengan aib atau lainnya

(Dan haram ) atas bapa itu *wati'* sahaya anaknya dan wajib atasnya isi kahwinnya dan tiada had atasnya kerana syubhah dan jika bunting maka anaknya itu merdeka lagi bangsanya dan jadi sahaya itu mak anaknya<sup>454</sup> dan wajib bagi bapanya itu membayar harganya bagi anaknya serta isi kahwin tiada harga anaknya

(Dan haram) atas bapa itu berkahwin dengan sahaya anaknya, (tetapi) maka jikalau milik anaknya akan isteri bapanya yang berkahwin ia dengan sahaya yang tiada harus bagi bapanya sekarang yakni tatkala dimiliki oleh anaknya (tetapi) nikah dahulu itu sahīh<sup>455</sup> dengan sebab diperoleh syaratnya tiada jadi *fasakh*<sup>456</sup> nikahnya itu kerana dimaafkan pada pertengahan barang yang tiada dimaafkan pada permulaannya

(Dan demikian lagi ) tiada harus seorang berkahwin dengan sahaya *mukatab* (tetapi) jika memilik oleh sahaya *mukatab* itu akan isteri tuannya jadi *fasakh* nikahnya .

*Wa Allāh A 'alam bi al-Sawāb*

<sup>452</sup> Yakni cabang. Lihat *Qāmus al-Marbawi* (1990), *op.cit*, h.89

<sup>453</sup> كسوة : Kiswah atau kuswah yang bererti “pakaian”. *Ibid* .h.186

<sup>454</sup> Mak tiri. Lihat Marsden (1812), *op.cit*, h. 314

<sup>455</sup> Yakni pasti, benar, sah atau dapat diakui.Lihat *Kamus Dewan* (2010), *op. cit*, h. 1366

<sup>456</sup> فسخ : pembatalan nikah apabila puncanya disedari akibat tidak sahinya nikah ( spt perkahwinan adik beradik seibu sebapa) atau pembatalan nikah menurut keputusan Qadi kerana sebab tertentu( spt gila, lemah tenaga batin, dsb) atas aduan isteri. *Ibid.*, h. 407

**(Adapun rukun yang kelima ) itu isteri.**

Maka sunat bagi perempuan bersuami jika berhendak kepada nikah atau takut akan dizalim oleh orang *fajir*<sup>457</sup> sebab berpanjangan mata<sup>458</sup> mereka itu akan dia atau berkehendak nafkahnya atau akan orang yang mendirikan *huquq*<sup>459</sup>nya jika ia ketahui bahawa ia kuasa mendirikan *huquq* suaminya atau berkehendak kepada fađilat ibadat .

(Maka jika) tiada ada demikian itu, maka makruh ia berkahwin (tetapi) terkadang wajib pula berkahwin jika diketahui tiada sentosa [ke]atas dirinya daripada dizalim orang akan dia, melainkan dengan bersuami, maka wajib jika diketahui. Maka jika ada perempuan itu kecil lagi *bikr*, maka harus bagi bapanya atau neneknya mengkahwinkan dia dengan tiada izinnya sama ada ia baligh atau tiada.

(Dan disyaratkan) bagi sah *ijbār* itu tiga syarat :

**(Pertama):** Hendak[lah] ada laki-laki itu kufu dengan dia, maka jika tiada laki-laki itu kufunya tiada sah dinikahkannya dan

**(Dan keduanya):** Hendaklah kuasa ia memberi mahar *mithil*, maka jika papa ia dengan mahar *mithil*, maka tiada sah dan

**(Dan ketiga):** Jangan ada ia berseteru perempuan dengan laki-laki itu dan lagi

## [ Halaman 20 ]

jangan berseteru perempuan itu antaranya dan antara bapanya dengan neneknya, maka jika ada berseteru antara mereka itu [maka] tiada sah dinikahkan dengan *ijbār*<sup>460</sup>.

<sup>457</sup> فاجر : Orang yang fasiq. Al-Fajir itu dikatakan ke atas orang fasiq dan orang kafir serta mereka yang thabit zinanya dengan pembuktian atau pengakuan. Maḥmūd Abd al-Rahmān Abd al-Mun’īn (1999), *op.cit.*, h 29

<sup>458</sup> Orang yang gemar memandang perkara-perkara yang tidak perlu. Lihat *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan* (1995), *op.cit.*, h. 1360

<sup>459</sup> (hak-hak)

<sup>460</sup> (paksa)

(Dan syarat pula ) bagi harus *ijbār* itu lagi pada mengerjakan jua tiada jadi syarat sahnya beberapa pula hendak[lah] adalah mahar *mithil* itu tunai, <sup>461</sup>maka harus ia nikahkan dengan bertangguh dan lagi pula daripada belanja negeri itu .

(Dan lagi) disyaratkan jangan ada laki-laki itu memberi muḍarat kehidupan dengan dia, maka tiada harus dikahwinkan dengan laki-laki yang sangat tua atau ia buta, dan jangan ada laki-laki yang wajib [ke]atasnya haji, maka manakala diperoleh[i] segala perkara ini, maka harus ia *ijbār* kan dia, maka jika tiada diperoleh segala syarat ini, maka tiada sah nikahnya itu jika ada kurang satu daripada segala syarat yang tiga perkara yang dahulu itu .

(Tetapi jika nikah ) dengan kurang daripada mahar *mithil* maka batal mahar *musammā* jua tiada batal nikahnya maka wajib atasnya mahar *mithil* .

(Dan sunat) bagi bapa atau nenek apabila berkehendak ia [meng]kahwinkan anaknya yang *bikr*, lagi baligh memintak<sup>462</sup> izin daripadanya dan izinnya itu memadalah dengan diamnya, maka wakil wali yang *mujbir* itu seperti wali *mujbir*<sup>463</sup> jua pada harus nikah dan lainnya .

(Maka adalah) baligh itu ada kalanya dengan sampai umurnya lima belas tahun *qamariyyah* dan ada kalanyadengan *ihtilām* jikalau tiada sampai umurnya sekalipun dan sekurang-kurang masa *ihtilām* itu sembilan tahun genap masuk kepada sepuluh, maka alamat itu bersekutu pada laki-laki dan perempuan dan dilebihkan pula jika ia perempuan dengan haid dan beranak,

---

<sup>461</sup> (katanya maka harus ia menikahkan dengan bertangguh) maka tiada zahir ini *tafrī'* dan mudah-mudahan yang betulnya dengan nafi yakni tiada harus .

<sup>462</sup> (meminta)

<sup>463</sup> Wali dari bapa sendiri atau datuk sebelah bapa(bapa kepada bapa) mempunyai kuasa mewalikan perkahwinan anak perempuannya atau cucu perempuannya dengan persetujuannya atau tidak.

(Tetapi dihukum) dengan baligh beranak itu dengan enam bulan dengan dua saat dahulu daripada beranaknya dan tiada dii'tibarkan<sup>464</sup> dengan tumbuh janggut atau misai atau bulu ari-arinya bahkan jika ada ia kafir dihukumkan baligh pada tumbuh bulu ari-ari kerana sukar mengkembalikan pada ahlinya, tiada kepada anak orang Islam.

(Dan jika) ada perempuan itu lagi kecil, lagi *thayyib* iaitu yang di *watī* pada qubulnya jikalau dengan zina atau ia tidur atau digagahi jikalau daripada zakar binatang sekalipun, maka dinamakan *thayyib*, bersalahan jika diwati pada duburnya atau dijadikan dengan ketiadaan *bikr* atau dengan gugur atau keras haid atau [me]masukkan suatu yang lain daripada zakar seperti anak jarinya, maka dihukumkan segala perkara itu *bikr* juga, maka memadalah diam itu izinnya, bahkan jika memberi tanda ada diamnya itu akan enggannya seperti berteriak atau menangis atau memukul pipi atau lainnya tiadalah diamnya jadi izinnya.

Maka jika ada perempuan itu kecil, lagi *thayyib*, lagi ‘aqilah, tiada harus seorang mengkahwinkan dia, sama ada bapanya atau neneknya [ter]istimewa pula yang lain daripada keduanya melainkan kemudian daripada balighnya dan izinnya itu dengan katanya yang *sariḥ*,

(Dan jika) ada ia kecil, lagi *thayyib*, lagi gila, maka harus bagi bapa dan neneknya itu mengkahwinkan dia, tiada hakim dan wali *ab'ad*

(Dan jika) ada ia *thayyib* lagi baligh lagi gila, maka bagi bapa dan hakim mengkahwinkan dia, tiada yang [se]lainnya, (tetapi) jika hakim mengkahwinkan dia tiada harus melainkan dengan syarat nyata hajatnya kepada nikah, bersalahan bapanya dan neneknya tiada disyaratkan baginya hajatnya. Dan jika ada perempuan itu sahaya yang bukan *muba'ad* atau *mukātab*, maka berkehendak penghulunya mengkahwinkan

---

<sup>464</sup> Yakni dikira

dia, maka harus ia mengkahwinkan dia sama ada ia kecil atau besar sama ada *bikr* atau *thayyib* sama ada ‘aqilah atau *majnunah*<sup>465</sup> sama ada *mak anak*<sup>466</sup> atau *mudabbar* sama ada izinnya atau tiada.

(Maka jika) menuntut sahaya itu akan penghulunya mengkahwinkan dia, tiada wajib ia memperkenankan dan jika ada ia sahaya itu tiada harus bagi penghulunya sekalipun. (Tetapi) sunat bahawa jangan ia enggan daripada mengkahwinkan dia kerana memeliharakan daripada jatuh yang tiada sayugia<sup>467</sup>nya

(Dan harus) bagi penghulu itu mengkahwinkan sahaya perempuan [akan] laki-laki dan jangan dengan yang kurang binasanya yang tiada kufu bagi sahaya sekalipun, (tetapi) tiada harus dinikahkan dengan orang yang *majzūm*<sup>468</sup> dan balu dan orang gila dengan tiada reda sahaya itu

(Dan harus) bagi *wali al-māl*<sup>469</sup> iaitu bapanya dan neneknya<sup>470</sup> mengkahwinkan sahaya anak[nya] lagi yang kecil atau sahaya anak perempuan lagi yang kecil dan anak yang *safīh*. Demikian lagi hakim seperti bapanya juga (tetapi) tiada harus bapa atau neneknya mengkahwinkan sahaya anaknya yang kecil lagi *thayyib* kerana keduanya itu tiada harus mengkahwinkan anaknya, maka tiada harus pula mengkahwinkan sahayanya dan jika ada sahaya itu bagi *safīh*, maka tiada harus wali *safīh* itu mengkahwinkan melainkan dengan izinnya (dan jika) ada sahaya itu bagi perempuan yang *bālighah* maka me[ng]kahwinkan dia itu

<sup>465</sup> Yakni gila. Lihat *Qāmus al-Marbawī* (1990), *op.cit* , h.35

<sup>466</sup> Yakni mak tiri

<sup>467</sup> (sepasutnya, sebaik-baiknya)

<sup>468</sup> مَذْعُومٌ : terputus atau terpotong zakarnya. Lihat *al-Mawrid*(1996), *op. cit*, h.979

<sup>469</sup> Orang yang diamanahkan menjaga harta kanak-kanak yang masih kecil. *Ibid.*, h. 78

<sup>470</sup> (datuknya)

## [ Halaman 21 ]

orang yang me[ng]kahwinkan penghulunya seperti yang telah tersebut dahulu bicaranya, (tetapi) disyaratkan izin penghulunya dan jika ada perempuan itu setengahnya sahaya dan setengahnya merdeka, maka mengkahwinkan penghulunya serta walinya. Maka jika tiada walinya, maka yang [me]merdekakan dia, [jika tiada yang merdekakan dia] maka *asabahnya*, maka hakim tak dapat tiada berhimpun dua, maka sah nikahnya dan jika tiada berhimpun, maka tiada sah nikahnya tiada sahaya yang melukakan orang yang bergantung dengan *raqabahnya* [h]arta tiada harus dikahwinkan dengan tiada izin *majni alaih*<sup>471</sup> yang dilukakannya jika ada penghulunya itu papa. Maka jika ada penghulunya itu kaya harus dikahwinkan dia.

(Dan jika) ada sahaya itu [di]wakaf[kan] atas seorang, maka adalah yang mengkahwinkan dia itu hakim dengan izin yang diwakafkan atasnya.

(Dan jika) ada sahaya itu yang diwasiatkan manfaatnya bagi seorang, [maka yang] mengkahwinkan dia itu [ialah]warisnya.

(Dan jika) ada sahaya itu bersekutu, [maka] yang mengkahwinkan dia itu kedua penghulunya. (Dan jika) ada perempuan itu dipungut, [maka] yang mengkahwinkan dia itu [ialah] hakim.

(Dan jika) sahaya itu [h]arta *qaraq*<sup>472</sup> yakni bagi laba<sup>473</sup> yang me[ng]kahwinkan dia itu empunyanya<sup>474</sup> [h]arta dan tiada bekehendak kepada izin *amil* yakni yang berniaga.

(Dan tiada) harus bagi yang menggadai itu mengkahwinkan sahaya yang digadaikan dengan tiada izin orang yang digadaikan.

<sup>471</sup> مجنى عليه : mangsa, orang yang dianiyai atau yang dicedera. Lihat : *al-Mawrid*(1996), *op. cit*, h.982

<sup>472</sup> Yakni gadaian

<sup>473</sup> Yakni untung

<sup>474</sup> (tuan)

(Dan jika) ada ia sahaya itu di *watī* oleh penghulunya, maka tak dapat tiada kemudian daripada *istibra*'nya<sup>475</sup>

(Dan jika) dimerdekakan mak anaknya atau gundiknya oleh penghulunya, kemudian maka bekehendak penghulunya itu berkahwin dengan dia, maka tiada wajib *istibrā'* atasnya kerana tiada takut padanya bercampur dua mani sebab empunyanya itu seorang jua.

(Dan demikian lagi) disyaratkan jangan ada perempuan itu haram dengan haji atau umrah

(Dan disyaratkan) pula jangan ada perempuan itu sudah berli'ān<sup>476</sup> dengan dia bersumpah dengan dia seperti yang lagi akan datang pada tempatnya

(Dan lagi) disyaratkan jangan ada perempuan itu *majusiyah*<sup>477</sup> atau *wasaniyyah*<sup>478</sup> yang menyembah berhala atau murtad dan sekalian bagi kafir

(Dan lagi) jangan ada mahramnya sebab nasabnya atau *rada'*<sup>479</sup> atau berambil-ambilan<sup>480</sup>.

### ***Tatimmah Fī Bayān al-Khiyār***

Ini satu kesempurnaan pada menyatakan *khiyār*.

Apabila ada salah seorang daripada dua laki isteri gila atau *judham*<sup>481</sup> atau *baras*<sup>482</sup> atau ada perempuan *ratqā'* iaitu yang tersimpul pada tempat jima' dengan daging atau

<sup>475</sup> Yakni tempoh pantang bersetubuh bagi wanita tawanan perang yang bukan Islam untuk menyucikan rahimnya daripada bercampur aduk air mani. Lihat Kamus Dewan (2010), op. cit, h. 591

<sup>476</sup> Li'an bermaksud bersumpah suami isteri.

<sup>477</sup> مجوسية : kaum yang menyembah api. Lihat Al-Syeikh Muhammad bin Abdullah al-Banjari (2010), *op.cit* , h.252

<sup>478</sup> وثنية : yakni yang menyembah berhala.

<sup>479</sup> Yakni susuan

<sup>480</sup> Muṣāharah yakni berambil-ambilan

<sup>481</sup> Maksudnya: penyakit kusta

pecah tempat jima' dengan sekira-kira tiada dapat jima' atau *qarnā'* iaitu tersimpul tempat jima' dengan tulang atau didapat[i]nya suami itu '*innīn*' iaitu lemah zakarnya atau ada laki-laki *majbūb* iaitu tiada zakar dengan sebab terpotong, maka manakala adalah salah satu daripada 'aib itu thabitlah *khiyār* baginya pada *fasakh* nikahnya dan jikalau pada taulannya sepertinya sekalipun.<sup>483</sup>

(Dan jika) didapat[i]nya salah seorang daripada dua laki isteri itu *khunsa* yang *wādih*, maka tiada *khiyār* baginya dan jikalau kedatangan dengan suami itu 'aib kemudian daripada 'aqad, nescaya harus perempuan *khiyār* melainkan mati zakarnya kemudian daripada *dukhūl* (atau) kedatangan pada perempuan itu 'aib, maka harus bagi suami itu *khiyār* (tetapi) tiada *khiyār* bagi wali dengan sebab 'aib yang baharu datang bagi suaminya kemudian 'aqad.<sup>484</sup>

(Dan demikian lagi) tiada *khiyār* bagi wali kedatangan pada suami 'aib yang berserta dengan 'aqad [ter]potong zakarnya atau mati zakarnya

(Dan harus) bagi wali itu *khiyār* jika berserta 'aqad itu gila dan jika redha perempuan itu sekalipun, dan demikian lagi berserta *judham* dan *baras* harus wali itu *khiyār*.

(Bermula) *khiyār* di sini wajib bersegera dengan mengangkatkan pekerjaan itu kepada hakim melainkan kerana makan dan qada hajat atau malam diuzurkan *ta'khir* sebab perkara itu.

(Bermula) *khiyār* dengan *fasakh* nikah itu dahulu daripada *dukhūl* mengugurkan isi kahwinnya dan kemudian daripada *dukhūl* itu wajib mahar *mithil* jika *fasakh* dengan 'aib yang berserta dengan 'aqad atau dengan 'aib yang kedatangan antara 'aqad dan

---

<sup>482</sup> Maksudnya: penyakit sopak.

<sup>483</sup> Lihat Syeikh Ibn Hajar al-Haitamī (t.t), *op.cit.*, h.346

<sup>484</sup> Al-Nawawi (2010) *op.cit*, h. 269

jahil ia akan ‘aibnya dan wajib mahar *musammā* jika kedatangan ‘aib itu kemudian daripada *wati*.<sup>485</sup>

(Dan disyaratkan ) *khiyār* pada lemah zakar itu [di]angkat kepada hakim.

(Dan demikian lagi) segala ‘aib yang tersebut disyaratkan pula kepada hakim tiada dengan *khiyār* sendirinya. Dan *thabitlah* pada *unnah*<sup>486</sup> itu dengan *iqrār* suaminya atau dua saksi atas *iqrār* nya.<sup>487</sup>

(Dan demikian lagi) bersumpah perempuan kemudian daripada enggan suami bersumpah, maka apabila *thabitlah unnah*, maka hendaklah dinantikan oleh Qādī akan suaminya setahun dengan tuntut perempuan itu, maka apabila cukup setahun, maka hendaklah diangkatkan perempuan itu akan suaminya kepada hakim, maka jika berkata suaminya: “Sudah ku *wati* dibenar dengan

### [ Halaman 22 ]

disumpahkan dia, maka jika enggan ia daripada bersumpah, maka bersumpahlah perempuan itu atau *diiqrārkan* suaminya tiada *wati* , maka didapatlah perempuan itu *fasakh* nikahnya sendirinya.

(Dan jika) mengasingkan perempuan itu akan dirinya atau *dihabaskan*<sup>488</sup> dia atau sakit ia, maka tiada dihisabkan masa setahun itu, jika ada perempuan itu bersifat dengan perkara itu dan jika redha perempuan itu dengan ‘aib ‘*unnah*<sup>489</sup>nya, maka batallah haknya daripada fasakh dan jika berkahwin seorang laki-laki dengan syarat bahawa adalah perempuan itu Islam atau ia memp[u]nyai bangsa atau ada ia merdeka maka menyalahi syaratnya itu, maka sah nikahnya jika nyata terlebih baik daripada syarat itu

<sup>485</sup> Al- Nawawi, (2010), *op.cit.*, h. 269

<sup>486</sup> عجز جنسی :Yakni tidak berupaya, mati pucuk. Lihat *al-Mawrid*(1996), *op.cit*, h. 784. Hawkins, Joyce. M (2008), *Kamus Dwibahasa Edisi Keempat*, Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd, h. 202

<sup>487</sup> Al- Nawawi, (2010), *op.cit.*, h. 269

<sup>488</sup> Yakni dipenjarakan atau ditahan

<sup>489</sup> Yakni mati pucuk

maka tiada *khiyār* baginya dan jika nyata kurang [syarat], maka harus bagi perempuan itu *khiyār*, demikian lagi bagi suami itu *khiyār* pula jika menyalahi syaratnya nyata kurang dan jika *zann* suaminya itu akan perempuan itu Islam atau merdeka, maka nyatalah kafir *kitabiyyah*<sup>490</sup> atau sahaya perempuan yang harus bagi laki-laki itu, maka tiada *khiyār* baginya.

(Dan ) jika menipu daya seorang dengan sahaya katanya: [Aku] *merdehka* dan jika laki-laki itu sah berkahwin dengan sahaya, maka adalah anaknya yang sebelum lagi diketahui akan sahayanya jadi[lah] merdeka, dan wajib atas orang yang kena tipu dayanya itu membayar harga anaknya kepada penghulu ibunya, dan harus kembali ia kepada yang menipudayakan dia harganya yang ia [mem]bayarkannya itu dan tiada *taṣawwur*<sup>491</sup> penghulu itu menipudaya dengan *merdehka* kerana jadi *merdehka* dengan katanya sebab iqrar ia akan merdeka dan hanya yang *taṣawwur* itu daripada wakilnya dan sahaya itu jua dan manakala *merdehka* sahaya perempuan yang suaminya lagi sahaya, maka baginya *khiyār* pada *fasakh* kahwinnya.

---

<sup>490</sup> Yakni ahli kitab samawi

<sup>491</sup> Yakni gambaran